

**SHEIKH MUHAMMAD ARSYAD AL-BANJARI,  
KETOKOHAN DAN SUMBANGANNYA<sup>1</sup>**  
(*SHEIKH MUHAMMAD ARSYAD AL-BANJARI, HIS  
NOTABILITY AND CONTRIBUTIONS*)

Maimunah Zarkasyi

**Abstrak**

Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari yang hidup tahun (1122-1227 H/1710-1812 M) adalah seorang tokoh ulama *fiqh* mazhab Shafi'i di Asia. Beliau turut dikenali sebagai ahli dalam bidang tauhid dan tasawuf. Ketokohnya diakui dan dicatatkan dalam jaringan ulama dari Timur Tengah dan Asia yang sangat berjasa dalam proses Islamisasi di Pulau Kalimantan Selatan. Selama tiga puluh tahun, beliau belajar pelbagai ilmu di *Haramayn* dengan prestasi cemerlang. Dalam bidang *fiqh Shafi'iyah* beliau diangkat sebagai 'Syeikh al-Islam' di Masjid *al-Haram*, yang membolehkan beliau mengajar ilmu agama terutama dalam bidang *fiqh Shafi'iyah*. Di Madinah beliau mendapat ijazah (sijil) dan bergelar 'Khalifah' yang melayakkan beliau mengajar ilmu tarikat dan ilmu tasawuf.

Ulama yang menguasai berbagai-bagai bidang ilmu ini telah mencurahkan pelbagai sumbangan kepada masyarakat. Semenjak tahun 1772 M di Kalimantan Selatan beliau telah berdakwah *bi al-Hal* dengan menubuhkan institusi pendidikan bagi melahirkan kader ulama. Kemudian beliau menjadi penasihat Kerajaan Banjar dalam bidang keagamaan, sehingga dapat menubuhkan Mahkamah Syar'iyah, suatu jawatan keagamaan yang pertama kali diwujudkan dalam Kerajaan Banjar. Dalam bidang keagamaan beliau berjuang merubah kebodohan masyarakat Islam menjadi Muslim yang taat. Beliau menyelamatkan

---

<sup>1</sup> Makalah ini adalah sebahagian dari kajian Sarjana penulis yang dikemukakan kepada Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 2008 di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah. Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr Wan Suhaimi Wan Abdullah yang turut mengulang-semak makalah ini dan mengemukakan saranan lanjut sama ada dari segi kandungan dan juga bahasa persembahan.

akidah masyarakat Islam daripada kepercayaan dan aliran yang menyimpang, seperti kehidupan keagamaan yang dipengaruhi oleh ajaran tasawuf berfahaman *Wahdah al-Wujud* yang menyeleweng. Dakwah dalam *bi al-Kitab* beliau menghasilkan karya-karya sehingga mencecah tiga puluh lima buah karya dalam pelbagai bidang keilmuan.

Perjuangan al-Banjari diteruskan oleh pewaris keturunannya yang tersebar di negara Melayu atau negara Asia Tenggara. Ulama besar yang telah mencurahkan pelbagai sumbangan kepada masyarakat ini telah mendapat penghargaan daripada para tokoh ulama dan ilmuwan. Peranan Muhammad Arsyad al-Banjari telah disejajarkan sebagai tokoh ulama di dunia Melayu dan beliau sepatutnya digelar sebagai tokoh *Mujaddid* di tanah air. Peranannya dalam menubuhkan Mahkamah *Syar'iyah* dalam kerajaan Banjar telah berjaya memurnikan masalah aqidah dalam masyarakatnya, yang sewajarnya melayakkan beliau menyandang gelaran *Mujtahid*.

**Kata kunci:** al-Banjari, Sabil al-Muhtadin, Shafi'iyah, Wahdah al-Wujud dan Kerajaan Banjar

### ***Abstract***

*Syeikh Muh. Arsyad al-Banjari, lived 1122-1227 H/ 1710-1812 AD, was one of the most notable Shafi'ite Ulema of Fiqh (Jurist) in Asia. He also mastered Tawheed and Tasawwuf (Mysticism). History has recorded his outstanding personality, regarded as part of the network of ulema from the Middle East and Asia who contributed significantly in Islamizing South Kalimantan. For thirty two years, he learnt various sciences in Haramayn and achieved excellence. His remarkable proficiency as Shafi'ite Jurist won him the honorific of Syeikh al-Islam in Masjid al-Haram where he taught religious sciences, especially Shafi'ite jurisprudence. While in Madinah, he received Ijazah (certificate, qualification) as a Khalifah, conferring him the privilege of teaching Tarikat and Tasawwuf.*

*As a notable Ulema who mastered a variety of sciences and knowledge, Arsyad's religious role and contributions were considerable. Upon his arrival in South Kalimantan (1772 AD), Muh. Arsyad conducted dakwah endeavor bi al-Hal in establishing educational institution for developing cadres of Ulema and becoming religious advisor to the Banjar Kings, as well as founding a body of*

*Islamic Law (Islamic Court of Law/ Mahkamah Syar'iyah), in close association with other religious institutions in the Banjar Kingdom. His presence transformed an ignorant Muslim community into a knowledgeable and devout one. He struggled in a Muslim community heavily influenced by deviant Tasawwuf (Mystical) doctrine associated with the teachings of Wahdah al-Wujud. In his dakwah endeavor bi al-Hal, Muh. Arsyad wrote more than thirty five books covering various sciences.*

*His struggle has been continued by his descendants all over the Malay world and South East Asia. His significant contribution to society won him widespread acclamation from Ulema and intellectuals, who see him as one of the leading Ulema of the Malay world. It is befitting to confer upon him the honorific 'Mujaddid' (reformer). It was him who launched an Aqedah purification and founded the Islamic Court of Law (Mahkamah Syar'iyah) in the Banjar Kingdom.*

**Keywords:** *Al-Banjari, Sabil al-Muhtadin, Shafi'iyah, Wahdah al-Wujud and Kerajaan Banjar.*

## **Pendahuluan**

Muhammad Arsyad al-Banjari (selepas ini disebutkan al-Banjari) adalah seorang ulama kerajaan Banjar di Kalimantan Selatan yang hidup sekitar tahun 1710-1812 M. Beliau terkenal sebagai tokoh ulama *fiqh* mazhab Shafi'i di wilayah Asia. Di samping itu, beliau terkenal pula pakar dalam bidang tauhid dan tasawuf. Al-Banjari hidup dalam persekitaran masyarakat suku Banjar di Kalimantan Selatan yang mana merupakan penduduk asal suku Dayak Kaharingan,<sup>2</sup> dan kemudian suku itu berbaur dengan masyarakat Melayu. Kalimantan Selatan terletak di kawasan pesisir pantai yang telah menyebabkan ramai orang dari pelbagai kaum datang berkunjung dan menetap di situ seperti kaum Jawa<sup>3</sup> dan kaum Melayu. Walau bagaimanapun, asal sebenar nenek moyang suku Banjar adalah berasal daripada keturunan penduduk tempatan dan pecahan suku

---

<sup>2</sup> Menurut Alfani Daud; *Kaharingan* iaitu sebuah nama kepercayaan yang memuja roh raja-raja atau roh nenek moyang yang telah meninggal. Mereka dianggap masih hidup dan menjadi orang ghaib, lalu mereka perlu diberikan sesaji makanan di tempat di mana mereka tinggal. Lihat, Alfani Daud (1997), *Islam Masyarakat Banjar Asal Usul dan Perkembangan Suku Bangsa Banjar*, (Jakarta: Jakarta Manajemen PT Raja Grafindo Persada), h. 50-51

<sup>3</sup> Ramli Nawawi, (1977), *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Penyebar Ajaran Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah pada Abad 18 di Kalimantan Selatan*, Banjarmasin: Skripsi (Karya Ilmiah Sarjana S1) Fakulti Keguruan Universiti Lambung Mangkurat, h. 28-29.

Melayu di Asia Tenggara pada ketika itu merupakan satu rumpun serupa. Apa yang pasti, pada ketika itulah bahasa pertuturan suku Banjar mulai bercampur aduk dengan bahasa Melayu.<sup>4</sup> Itulah segi susur galur asal bangsa dan bahasa Banjar.

Kedatangan Islam ke daerah ini diambil kira bermula dari tahun 1526 M,<sup>5</sup> iaitu menerusi usaha dakwah yang dilakukan oleh para peniaga daripada golongan sufi pendakwah. Melalui perkembangan umat Islam yang pesat ini, maka tertubuhlah kerajaan Banjar di Kota Martapura. Namun begitu, keadaan politik kerajaan ini seringkali bergolak ekoran wujudnya perang saudara setiap kali berlakunya proses pertukaran Sultan kerana masing-masing ingin merebut takhta kerajaan. Semasa al-Banjari masih hidup lagi, kerajaan Banjar telah mengalami lima kali pergantian takhta pemerintahan. Sultan keempat kerajaan Banjar adalah Sultan Sulaiman bin Sultan Tahmidullah (1808-1825).<sup>6</sup> Mengenai persoalan berkaitan dengan agama Islam, ia diletakkan di bawah kuasa raja. Terdapat pula jabatan mahkamah agama dan aturcara pelaksanaan agama bagi rakyat yang dipegang oleh raja sendiri. Penghulu dan pegawai raja berfungsi sebagai penasihat kepada kerajaan. Manakala tugas lainnya dibantu oleh khatib, bilal dan *kaum*.<sup>7</sup> Mahkamah *Syara'* dipimpin oleh seorang *mufti* yang mana dia mempunyai kuasa untuk memutuskan perkara berkenaan nikah, talak, pembahagian harta pusaka, waris dan urusan rakyat seharian.<sup>8</sup> Pelaksanaan ibadah di masjid dan di surau diserahkan kepada ulama yang mana bergelar syeikh, guru atau *mu'allim* atau *Datuk*. 'Syeikh' adalah jawatan yang mesti dipegang oleh orang yang memiliki ilmu pengetahuan agama Islam dalam bidang tauhid, fikah, tasawuf, bahasa Arab dan lain-lain ilmu yang berkaitan. Syarat ini biasanya diperoleh oleh ulama yang telah belajar di Timur Tengah. Namun, pada zaman al-Banjari belum ada lagi ulama yang memenuhi persyaratan ulama sedemikian.

---

<sup>4</sup> Menurut Alfani Daud; bahasa *Kaharingan* adalah bahasa asal penghuni pedalaman hutan di Kalimantan. Kemudian terjadi percampuran dengan Jawa dan bahasa Melayu. Memandangkan wujud persamaan yang besar antara bahasa suku Banjar dengan bahasa Melayu yang dikembangkan di Sumatera dan sekitarnya, maka bahasa Melayu mudah diterima mereka. Alfani Daud (1997), *op. cit.*, h. 25.

<sup>5</sup> Zafri Zam-zam (1979), *Syaikh Muh Arsyad al-Banjari*. Banjarmasin: Penerbit Karya, h. 3.

<sup>6</sup> Kyai Haji Jumri bin Joys, (1975), *Sejarah Kerajaan Banjar*, Singapura: Penerbit al-Ahmadiyah Press, h. 19. Buku ini juga menghurai mengenai Riwayat Hidup al-Banjari dan Karyanya pada h. 38-61. Lihat: J.C. Noorlander (1935), *Banjarmasin en de Compagnie in de tweede Kelft der 18 de eeuw*. Leiden: tanpa penerbit, h. 188.

<sup>7</sup> Dalam pengertian bahasa Banjar, *khatib* adalah orang yang bertugas dan bertanggungjawab di masjid dengan segala aktivitiinya seperti *muadzin* (*bilal*). *Khatib* juga bertugas sebagai pembaca *khutbah* Juma'at. Manakala nama *Kaum* iaitu, orang yang mengatur kegiatan, kebersihan serta penjaga masjid.

<sup>8</sup> Ahmad Basuni (1971), *Jiwa Yang Besar Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari*. Bandung: Pusaka Galunggung, h. 25.

Kehidupan beragama masyarakat Banjar tidak jauh berbeza dengan masyarakat Melayu lainnya. Asywadi Syukur menjelaskan bahawa masyarakat Banjar yang telah memeluk agama Islam masih juga mengamalkan kepercayaan lama yang dianuti oleh suku Dayak, iaitu kepercayaan *Kaharingan* dan ajaran agama Hindu. Mereka mengadakan upacara ritual seperti membuang pasilih, menyanggar benua dan memperoleh ilmu *muwakkal*.<sup>9</sup> Islam yang berkembang di daerah ini juga telah dipengaruhi oleh ajaran agama yang berkembang di daerah Aceh. Dalam sejarah Banjar, terdapat ulama sufi yang datang ke daerah ini dan mengajarkan tasawuf berfahaman *Wujudiyah*. Fahaman tasawuf yang bercorak *Wahdah al-Wujud*<sup>10</sup> pada ketika itu sedang berkembang pesat di Aceh. Guru sufi datang dan menetap di sana seperti Syeikh Abdussamad Siraj al-Huda. Kenyataan sejarah ini membuktikan bahawa kedua-dua masyarakat Banjar dan Aceh mempunyai hubungan yang rapat.

## Riwayat Hidup, Keturunan dan Pendidikan al-Banjari

### Kelahiran dan Keturunannya

Al-Banjari dilahirkan di Desa Lok Gabang Martapura Kalimantan Selatan pada hari Khamis, 13 Safar 1122 H. Ada pendapat yang lain yang mengatakan bahawa beliau dilahirkan pada hari Khamis, 15 Safar 1122 H. (17 Mac, 1710 M).<sup>11</sup> Kelahiran al-Banjari tersebut diambil kira pada zaman pemerintahan Sultan Hamidullah/Tahmidullah 1700-1734 M atau, menurut pendapat yang lebih muktamad antara tahun 1700-1745 M.<sup>12</sup>

---

<sup>9</sup> Menurut Asywadi Syukur (ulama tokoh masyarakat), *Membuang Pasilih* ertinya suatu upacara adat orang Banjar yang membuang makanan ke laut untuk dipersembahkan kepada roh yang dianggap penguasa air. *Menyanggar Benua* adalah suatu upacara adat masyarakat Banjar yang dilaksanakan dengan pesta adat budaya Banjar guna membersihkan kampung darigangguan jin dan roh jahat. *Muwakkal* pula bermaksud bersahabat dengan jin agar beroleh ilmu-pengetahuan ghaib daripada jin. Lihat Asywadi Syukur (1990), Kumpulan Terjemah dari karya-karya al-Banjari dengan tajuk *Pemikiran-pemikiran Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Dalam Tauhid dan Tasawuf*, Bab *Risalah Tuhfah al-Raghibin fi Bayani Haqiqati Imani al-Mu'min wama Yuftiduhu min Riddati al-Murtaddin*, (belum diterbitkan), Banjarmasin: Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Antasari, Fakulti Dakwah Banjarasin, h. 34-41.

<sup>10</sup> Faham *Wahdah al-Wujud* yang tersebar dalam masyarakat Banjar asal mulanya dipengaruhi oleh faham Hamzah Fansuri yang memahami mengenai *ittihad*, iaitu faham mengenai penyatuan Tuhan dengan Manusia. *Waadah al-Wujud* difahami secara keliru seperti yang diajarkan guru sufi di Banjar, *Ibid*, h. 43.

<sup>11</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah (1983), *op. cit.*, h. 6. Lihat Yusuf Halidi (1968), *op. cit.*, h. 28-29.

<sup>12</sup> Syekh Abdurrahman Shiddiq al-Banjari (1937), *Risalah Syajarah al-Arsyadiyah wa ma Ulhiqa bihi*. Singapura: Matba'ah al-Ahmadiyyah, h. 4-5. Pandangan berkenaan tarikh lahir ini dipersetujui para penulis lain seperti Ahmad Basuni (1949), Zafri ZamZam (1963) dan Yusuf Halidi (1989). Umumnya perbezaan pendapat mengenai tahun kelahiran al-Banjari ini adalah

Asal-usul keluarga al-Banjari tidak banyak diketahui. Ada beberapa pendapat yang berbeza mengenai perkara ini. Al-Banjari lahir dari keluarga yang sederhana, salih dan taat beragama. Ayah beliau bernama Abdullah bin Abu Bakar bin Abd. Rasyid atau lebih dikenali dengan nama samarannya Abd. Haris.<sup>13</sup> Manakala ibunya bernama Siti Aminah. Datuk al-Banjari bernama Abd Haris ini berasal daripada Mindanao (Philipina). Pendapat ini dikuatkan oleh Ghazali Usman dengan penemuan berupa lembaran teks (manuskrip) yang didapati di Mindanao, Brunei mahupun di Kutai. Riwayat dan silsilah al-Banjari seperti yang ditulis pada teks (manuskrip) menyebut bahawa Abd. Haris berasal daripada ulama Maghribi yang datang ke Philipina untuk berdakwah serta mendirikan Kerajaan Moro yang masyhur bernama Mindanao. Kemudian beliau telah menyamar dengan nama Abdul Haris, berlayar daripada Mindanao (Philipina) sehingga kapalnya terdampar di muara Banjar. Selepas itu beliau tinggal di Banjar hingga mempunyai anak bernama Abdullah dan berkahwin pula dengan Siti Aminah dan melahirkan keturunan bernama Muhammad Arsyad al-Banjari.<sup>14</sup>

Walau bagaimanapun sumber lain menyebutkan maklumat berbeza mengenai datuk al-Banjari, iaitu Sayyid Abu Bakar, beliau adalah seorang ulama yang pernah turut serta dalam peperangan *fi Sabilillah* melawan Belanda di beberapa tempat, namun tidak pernah tinggal di Banjar. Beliau tiba di Melaka sekitar tahun 1450 M ketika zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah. Dari Melaka beliau berpindah ke Johor kemudian pergi ke Brunei Darussalam pada tahun yang sama untuk menyebarkan Islam di sana. Selepas itu, beliau menuju ke Negeri Sabah dan Kepulauan Sulu, Philipina Selatan. Di sana beliau berkahwin dengan Paramisuli (Permaisuri) puteri Raja Baginda, dan kemudiannya dilantik menjadi Wakil Sultan.<sup>15</sup> Setelah Raja Baginda mangkat, Sayyid Abu Bakar ditabalkan menjadi Sultan Sulu bergelar Sultan Syariful Hasyim yang memerintah sehingga kemangkatan beliau pada tahun 881 H./ 1480 M.<sup>16</sup> Di antara putera Sayyid Abu Bakar adalah Abdullah. Beberapa orang penyelidik seperti Dr. Abdurrahman SH, MH yakin bahawa Abu Bakar

---

merujuk kepada perbezaan dalam menentukan persamaan tahun *hijriyyah* dengan tahun *masihi* bagi tarikh sultan yang memerintah pada saat itu.

<sup>13</sup> Abu Daudi (1996), *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari (Tuan Haji Besar)*. Dalam Pagar Martapura, Kal-Sel: Madrasah Sullam al-Ulum, h. 15.

<sup>14</sup> A. Gazali Usman (1999), *op. cit.*, h. 42. Lihat Abu Daudi (1997), “*Riwayat Dan Silsilah Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari, Banjarmasin*”, dalam akhbar tempatan “*Banjarmasin Post*”, 30 Mac, 1997, h. 3.

<sup>15</sup> Awang Muhammad Jamil al-Sufri (1990), *Tarsilah Brunei, Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Jilid II, Cetakan pertama. Ehsar Pusat Sejarah Brunai Darussalam: Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunai Darussalam, Pusat Sejarah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, h. 84.

<sup>16</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara Jilid 1*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan & Penyebaran Khazanah Islam Klasik dan Moden Dunia Melayu, h. 10-11.

berasal daripada keturunan Hadramaut, dan melarikan diri ke Mindanau semasa berlaku peperangan melawan Portugis.<sup>17</sup> Pendapat yang juga muktamad dikemukakan oleh Wan Muhd.Saghir Abdullah bahawa putera Sayyid Abu Bakar iaitu Abdullah, ayahanda al-Banjari, datang ke daerah Kalimantan Selatan bersama para peniaga sufi dan tinggal menetap di sana sehingga beliau wafat.<sup>18</sup>

## Riwayat Pendidikan al-Banjari

Penjelasan mengenai pendidikan al-Banjari adalah merangkumi penerangan mengenai sumber pemikiran dan kehidupan intelektual beliau. Huraian yang dikemukakan adalah meliputi pendidikan al-Banjari yang terdiri daripada beberapa fasa iaitu pendidikan di masa kecil, remaja, mahupun pendidikan ketika di *Haramayn*. Huraian ini juga akan mendedahkan beberapa nama guru-guru al-Banjari, buku-buku yang pernah dipelajari, pemikiran beliau dan rakan-rakan beliau.

Pada masa kanak-kanak sehingga zaman remaja, al-Banjari memperoleh pendidikan asas daripada ayahnya sendiri dan beberapa orang guru tempatan. Pada usia tujuh tahun, al-Banjari sudah fasih membaca al-Quran dan pandai melukis. Melihat keistimewaannya itu, Sultan Tahmidullah, Raja Banjar ke XV (1700-1745 M) tertarik untuk menjadikan beliau sebagai anak angkat dan duduk menetap di istana. Semasa di istana di Martapura, al-Banjari diasuh oleh keluarga Sultan, mempelajari agama dan pelbagai ilmu pengetahuan yang lain.<sup>19</sup> Oleh kerana kecerdasan beliau yang luar biasa, al-Banjari telah berjaya memahami ilmu agama seperti Ilmu Tauhid dalam masa singkat.<sup>20</sup> Setelah dewasa al-Banjari dihantar ke Mekah untuk melanjutkan pengajian beliau di sana,<sup>21</sup> berbekal harapan agar kelak dapat memenuhi keperluan kerajaan

---

<sup>17</sup> Dr.Abdurrahman SH,MH, (2002), *Peranan Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari Membentuk Masyarakat Banjar Islami*, Makalah disampaikan pada acara Panel Diskusi Memperingati Kelahiran Shekh Muhammad Arsyad al-Banjari, pada 29 April, 2002 di Banjarmasin, UNISKA, h. 7.

<sup>18</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah (1990), *Syeikh Muh Arsyad al-Banjari, Pengarang Sabil al-Muhtadin*, cet.1. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 6.

<sup>19</sup> Yusuf Halidi (1968), *op. cit.*, h. 6. Lihat Abu Daudi, (1996), *op. cit.*, h. 19-20.

<sup>20</sup> *Ibid*, h. 36.

<sup>21</sup> Pada awal abad 17 keadaan umat Islam di Daerah Banjar selalu terjadi perdebatan antara pengamal feqah dan pengamal tasawuf atau perdebatan mengenai *Tasawuf SunnĒ* dan *Tasawuf FalsafĒ*. Menurut sultan, hal ini hanya boleh diatasi oleh orang yang menguasai secara mendalam ilmu agama, baik dalam bidang Fekah, Tasawuf, Bahasa Arab, dan ilmu lainnya. Syarat ini hanya boleh dimiliki oleh para ulama, Syeikh, Tuan guru, dan Datu yang biasanya telah belajar di Timur Tengah. Menilai kepandaian al-Banjari, Sultan Raja merancang agar al-Banjari dididik menjadi ulama yang diperlukan umat di daerah tersebut. Lihat Humaidy, (2003) "Ulama Banjar Dalam Perspektif Sejarah", dalam Majalah KANDIL

untuk mengajarkan agama Islam. Sebelum keberangkatan beliau ke sana, pada ketika itu beliau berumur tiga puluh tahun dan beliau telahpun dikahwinkan dengan wanita pilihan Sultan dari kalangan keluarga istana bernama Tuan Bajut.<sup>22</sup> Selepas melangsungkan perkahwinan al-Banjari pun berangkat ke *Haramayn* atas pembiayaan Sultan. Baginda Sultan berharap agar kelak jika al-Banjari pulang dari *Haramayn* beliau boleh kembali ke istana demi kepentingan kerajaan dan masyarakat Banjar.

Selama di *Haramayn*, al-Banjari mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan yang tidak terhad pada ilmu-ilmu syariah sahaja seperti ilmu fikah (khususnya Syafi'iyah), ilmu tauhid, tasawuf, ilmu hadith, ilmu tafsir tetapi termasuk juga ilmu pendidikan, bahasa Arab dan ilmu falak.<sup>23</sup> Beliau dibimbing oleh guru-guru yang masyhur di *Haramayn*. Al-Banjari sehingga ke saat ini masyhur disebut sebagai ulama fikah mazhab *Syafi'iyah* kerana beliau belajar dengan Syeikh Ibn Athaillah al-Misri dan Sulayman al-Kurdi al-Syafi'i. Berkat bimbingan kedua-dua guru tersebut beliau berjaya mencapai ke tahap cemerlang. Dari itu, Syeikh Sulayman al-Kurdi mengangkat al-Banjari menjadi maha guru atau *Syeikh al-Islam*. Ini bererti beliau boleh mengajar dan memberi fatwa dalam bidang hukum *Syafi'iyah* di Masjid *al-Haram*.<sup>24</sup> Ini adalah suatu kejayaan yang luar biasa bagi ulama Nusantara yang belajar di *Haramayn*. Hal serupa juga dialami oleh Syeikh Yusuf al-Makasari (w.1669 M.) yang juga menjadi *Syeikh* dan mengajar di Masjid *al-Haram*.<sup>25</sup>

Al-Banjari juga berminat dalam ilmu falak yang beliau pelajari daripada Syeikh Ibrahim al-Ra'is al-Zam-zam. Berkat kesabaran gurunya dan ketekunan al-Banjari serta hasil kerja keras beliau dalam mengaji ilmu falak, al-Banjari berjaya menjadi salah seorang ahli falak di Nusantara.<sup>26</sup> Walau bagaimanapun kepakaran al-Banjari dalam bidang ilmu falak kurang dikenali ramai, sebaliknya beliau lebih masyhur sebagai ulama

---

mengenai *Melintas Tradisi*, Edisi I, Tahun I, Mei 2003. Banjarmasin: Diterbitkan oleh Sekertariat LK 3 (Lembaga Kajian Keislaman dan Kemasyarakatan), h. 8

<sup>22</sup> Abu Daudi (1996), *Maulana Syekh Muhamad Arsyad al Banjar* (Tuan Haji Besar), tc Martapura Dalam Pagar: Sekertariat Madrasah Sulam al-Ulum, h. 22. Lihat : Abdurrahman (1988), *Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, Makalah disampaikan pada acara Diskusi Cendikiawan Muslim (ICMI), pada 9 Jun, 1988 di Banjarmasin, h. 9.

<sup>23</sup> Yusuf Halidi (1968), *op. cit.*, h. 13.

<sup>24</sup> Karel A, SteenBrink (1984), *Beberapa Aspek Mengenai Islam di Indonesia Abad ke19*. Jakarta: Bulan Bintang, h. 19. Lihat Martin Van Bruinessen (1995) *op. cit.*, h. 101. Lihat Zafri Zam-Zam (1979), *op. cit.*, h. 6.

<sup>25</sup> Abu Hamid (2001), *Syeikh Yusuf Makassar Dan Perannya Dalam Pengembangan Ilmu Keislaman di Nusantara*, (Makalah ini sejak tahun 2005 telah menjadi karya Ilmiah yang telah diterbitkan) di bentang pada seminar mengenai "Bahan Rujukan Islam Nusantara", pada 20-23 Ogos, 2001 di Brunai Darussalam: Dianjurkan oleh Jawatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri, h. 4.

<sup>26</sup> Azyumardi Azra (1998), *op.cit.*, h. 252.



fikah. Sehingga kini bidang ilmu falak tidak banyak dipelajari oleh ulama di Nusantara khususnya dan tidak ramai yang menguasai bidang ilmu falak seperti al-Banjari. Al-Banjari dianggap sebagai satu-satunya ulama negeri Melayu yang menguasai ilmu falak pada ketika itu.

Selain daripada itu, semasa beliau duduk di Madinah, al-Banjari juga mempelajari ilmu tauhid dengan Syeikh Abdur Rahman al-Mubin al-Fattani, ulama dari Asia Tenggara yang menetap di *Haramayn*. Untuk lebih memperluaskan lagi ilmu tauhid yang sedang dipelajarinya, beliau turut belajar dengan Syeikh Muhammad Murtada ibn Mufammad al-Zubaidi, pengarang kitab *Tauhid fi Haqq Allah 'Ala al-'Abid*.<sup>27</sup> Guru-guru al-Banjari tersebut bersahabat dengan Syeikh 'Abd al-Karim al-Samman al-Madani di Madinah.<sup>28</sup> Oleh itu al-Banjari bersama rakan-rakan beliau juga belajar bidang tasawuf dan tarekat daripada Syeikh 'Abd al-KarĒm al-SammĒn al-MadanĒ. Antara murid beliau dari kalangan orang *Jawiiyin*, hanya al-Banjari dan Abd al-Samad al-Palimbani sahaja yang memperolehi ijazah dan bergelar *khalifah* yang bermakna kedua mereka boleh mengajar Ilmu Tarekat dan Tasawuf.<sup>29</sup> Melalui bimbingan Syeikh Abd al-Karim al-Samman al-Madani inilah al-Banjari mempelajari banyak kitab-kitab tasawuf seperti karya al-Ghazali dan Ibn al-'Arabi.

## Rakan-rakan Seperguruan al-Banjari

Ketika belajar di *Haramayn*, al-Banjari bergabung dengan para pelajar yang dikenal pula dengan kelompok *Jawiiyin*.<sup>30</sup> Rakan-rakan al-Banjari yang berasal dari Nusantara semasa berada di *Haramayn* terkenal dengan nama "Empat Sekawan". Mereka terdiri daripada Abd al-Samad al-Palimbani, 'Abd al-Wahhab dari Bugis dan ulama Betawi (Jakarta) yang bernama Abd al-Rahman al-Misri.<sup>31</sup> Daripada aktiviti mereka selepas pulang ke dunia Melayu berbeza-beza, misalnya Abd al-Samad menterjemah *Hidayah al-Salikin* dan *Sayr al-Salikin* karya al-Ghazali. Memperhatikan pelbagai kegiatan rakannya bernama Abd. Al-Samad maka dapatlah dipahamkan bahawa al-Banjari pun mempelajari kitab al-

---

<sup>27</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 24.

<sup>28</sup> *Ibid*, h. 15.

<sup>29</sup> Abu Daudi (1996), *op. cit.*, h. 52. Lihat Yusuf Halidi (1968) *op. cit.*, h. 15.

<sup>30</sup> Kelompok *jawiiyin* adalah nama yang diberikan oleh orang Arab kepada kelompok pelajar atau para penduduk yang berasal dari negeri Melayu yang belajar di *Haramayn*.

<sup>31</sup> Tetapi menurut Wan Mohd Saghir Abdullah bukan "empat sekawan" tetapi "lima sekawan" iaitu ditambah Abdullah Daud al-Fatani yang pada saat itu usianya masih muda dan diketahui bahawa kedatangannya ke *Haramayn* adalah agak terkemudian. Lihat Wan Mohd Saghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 9. Bandingkan Karel A. Steenbrink, (1984), *Beberapa Aspek Mengenai Islam di Indonesia Abad 19* Jakarta: Bulan Bintang, h. 92. Lihat juga Yusuf Halidi (1968), *op. cit.* h.15

Ghazali tersebut.<sup>32</sup> Selain itu Abd al-Samad menyebutkan seratus kitab yang dianggap penting untuk dipelajari bagi sesiapa yang akan menempuh tarekat. Abd al-Samad menganjurkan agar sesiapa yang ingin mempelajari ilmu tasawuf pada peringkat *muftadi* (permulaan) hendaklah membaca *Risalah al-Qusyayriyyah*, pada peringkat *mutawassid* dianjurkan membaca kitab *Hizb* (Syahir dan doa dari Afrika Utara) dan pada peringkat *muntahi* dianjurkan membaca kitab-kitab tasawuf *falsafi* seperti *Fusus* dan *Futuhaat* karya Ibn al-‘Arabi, Kitab *Insan Kamil* karya Abd Karim al-Jili dan kitab *al-Tuhfah al-Mursalat ila al-Ruh al-Nabi* karya M. Fadl Allah al-Burhanpuri. Namun, Abdul Samad turut memperingatkan bahawa para *salik* (sufi pencari Tuhan) tidak digalakan membaca kitab-kitab falsafi tersebut.<sup>33</sup>

Penjelasan mengenai peringkat-peringkat ini memberi isyarat bahawa ‘Abd al-Samad al-Palimbani dan al-Banjari telah mempelajari bermacam-macam kitab-kitab tasawuf tersebut. Namun, setiba di tanah air, ‘Abd al-Samad al-Palimbani banyak berkarya dalam bidang tasawuf, manakala al-Banjari lebih banyak berkarya dalam bidang fikah/shari’ah.<sup>34</sup> Perkara ini tidak perlu difahami atau dijadikan sandaran bahawa kedua-dua ulama itu hanya menguasai satu bidang ilmu sahaja. Kedua-dua ulama tersebut menguasai kedua-dua bidang ilmu tasawuf dan shari’ah. Al-Banjari menulis kitab fikah *Syafi’iyah* kerana pada ketika itu ilmu feqah sangatlah diperlukan oleh masyarakat tempatan. Demikian pula dengan rakannya ‘Abd al-Samad al-Palimbani yang menulis kitab tasawuf kerana masyarakat di Palembang Sumatra pada ketika itu menghajatkan ilmu tersebut.

Selepas bermukim di *Haramayn* selama tiga puluh lima tahun, al-Banjari kembali ke tanah air. Sebelum pulang ke kampung halamannya di Martapura, beliau singgah di Jakarta dan menetap lebih kurang dua tahun di sana. Pada bulan Ramadan 1186 H/Disember 1772 M, al-Banjari pulang ke kampung halamannya di Martapura daerah kerajaan Banjar, tiba di Kalimantan Selatan. Ketibaannya disambut Pangeran Sultan Tahmidullah II bin Sultan Tamjidullah yang memerintah dari tahun 1787 hingga tahun 1808.

---

<sup>32</sup> Martin Van Bruinessen (1995), *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarikat*. cet.I. Bandung: penerbit Mizan, h. 63.

<sup>33</sup> Abd al-Samad al-Palimbani (1995), *Hidayah al-Salikin*, seperti yang ditulis Martin Van Bruinessen (1995), *Ibid.*, h. 67.

<sup>34</sup> Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari (2002), *Kitab Sabil al-Muhtadin*, disalin (alih bahasa) oleh Asywadie Syukur. Surabaya: Bina Ilmu h. xiii. Lihat Wan Muhd. Saghir Abdullah, (1990), *Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang Sabil al Muhtadin*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 65-66.

## Peranan dan Sumbangan al-Banjari dalam Masyarakat

Peranan beliau dalam masyarakat dapat dilihat secara jelas setelah kepulangan beliau dari *Haramayn* serta bermastautin di daerah Martapura di mana berdiri Kerajaan Banjar. Beliau mula berdakwah dan membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh umat Islam ketika itu sama ada melalui dakwah *bi al-hal*, *bi al-lisan* dan *bi al-kitab*. Perincian berhubung ini akan dijelaskan oleh penulis selepas ini.

### Memperbetulkan Arah Kiblat

Semasa al-Banjari pulang dari *Haramayn*, beliau singgah di Jakarta beserta rakan-rakan beliau "Empat Sekawan". Di sanalah beliau mempraktikkan ilmu falak yang pernah beliau pelajari di *Haramayn*. Beliau memperbetulkan arah *kiblat* di beberapa buah masjid di Jakarta yang tidak tepat. Antara masjid yang beliau perbetulkan adalah Masjid Luar Batang, Masjid Jembatan Lima Betawi, Masjid Pakojan dan Masjid bernama Masjid Pasar Ikan.<sup>35</sup> Walaupun pada awalnya masyarakat tidak bersetuju dengan pembetulan arah *kiblat* yang dianjurkan oleh beliau, namun dengan ilmu yang dimilikinya al-Banjari berjaya meyakinkan masyarakat.

Menurut Hamka, al-Banjari telah melakukan penyelidikan mengenai arah *kiblat* di masjid-masjid di Tanah Jawa. Berdasarkan penyelidikannya itu, al-Banjari berpendapat bahawa di Tanah Jawa pada ketika itu hanya Masjid Demak (terletak di Jawa Tengah) yang mana arah *kiblatnya* tepat. Selanjutnya al-Banjari memperbetulkan arah *kiblat* di beberapa daerah di Indonesia ketika itu.<sup>36</sup> Kepakaran al-Banjari dalam bidang Ilmu *Falak* ini telah memberi banyak faedah kepada masyarakat di Nusantara, kerana pada ketika itu belum lagi ada ulama yang mampu menguasai ilmu *falak* sebagaimana al-Banjari.

### Mendirikan Institusi Pendidikan dan Penasihat Kerajaan

Sejak ketibaan al-Banjari di Martapura (1772), beliau telah mula membuka kampung baru bernama "Kampung Dalam Pagar". Dalam kawasan kampung inilah beliau membangunkan masjid, pesantren (pusat pendidikan), kemudian beliau menghimpunkan pula murid-murid untuk

---

<sup>35</sup> Abu Daudi (1996), *op. cit.*, h. 58.

<sup>36</sup> Masjid bernama Masjid Jembatan Lima Betawi di Jakarta dan sehingga kini masih tercatat tulisan: "Masjid ini telah dipalingkan ke kanan sebanyak 25 derajad oleh al-Banjari pada hb. 4 Syafar 1186 H. (7 Mei 1772)", lihat Abu Daudi (1996), *op. cit.*, h. 34-35. Lihat juga, Hamka (1961), *Sejarah Umat Islam*. edisi VI, c.I. Jakarta: Bulan Bintang, h. 744.

dididik. Murid-murid beliau pada awalnya terdiri dari kalangan sanak saudara dan keluarga terdekat, anak, cucu dan masyarakat sekitar. Kawasan tersebut menjadi pusat paling penting bagi melatih para murid sehingga melahirkan generasi ulama terkemuka di kawasan Kalimantan Selatan. Hampir kesemua *Qadhi* dan *Mufti* dalam Kerajaan Banjar dan kawasan Kalimantan Selatan adalah murid-murid al-Banjari. Bagi menunjang kesejahteraan hidup masyarakat, al-Banjari membuka persawahan dengan membuat perairan untuk mengalir sawah di daerah ini.<sup>37</sup>

Seterusnya, oleh kerana al-Banjari adalah sebahagian daripada ahli keluarga kerajaan, beliau selalu bertindak menasihati Raja dalam bidang agama. Hal ini dilakukan al-Banjari sempena melancarkan dakwahnya. Pihak kerajaan turut bersuka cita di atas kerjasama al-Banjari dengan pihak kerajaan kerana ia dapat memperlancarkan usaha membanteras kejahatan yang berlaku dalam masyarakat. Selain berkhidmat sebagai penasihat kerajaan, beliau turut pula menubuhkan suatu lembaga keislaman yang disebut "*Mahkamah Syar'iyah*" (Lembaga Hukum Islam), iaitu satu lembaga yang terawal dan pertama kali diwujudkan dalam kerajaan Banjar Kalimantan Selatan.<sup>38</sup>

### **Memperbetulkan Aliran *Wujudiyah Mulhidah***

Pada zaman al-Banjari, minat masyarakat terhadap pembelajaran tasawuf sangat tinggi, khasnya tasawuf yang mengikut fahaman *Wahdah al-Wujud*. Dua orang tokoh yang dikenali sebagai pembawa fahaman tasawuf *wahdah al-Wujud* adalah Muhammad Nafis al-Banjari (1200H/1785M), pengarang *Kitab al-Durr al-Nafis* tokoh sufi terkenal di Nusantara mahupun di dunia Melayu. Tokoh yang kedua adalah 'Abd Hamid Abulung yang dianggap telah menyebarkan fahaman *wahdah al-wujud* secara salah, sehingga mengelirukan masyarakat.

Kesilapan Abd Hamid mula diketahui daripada kenyataan beliau yang menyatakan dengan jelas di hadapan raja dan masyarakat bahawa "*Tiada maujud kecuali Dia, dan tiada wujud yang lainnya. Tiada aku melainkan Dia, dan aku adalah Dia*".<sup>39</sup> Kenyataan tersebut telah menjadikan pemahaman orang awam terhadap Islam menjadi terpesong. Tambahan lagi, Abd Hamid Abulung sendiri pada suatu ketika pernah

---

<sup>37</sup> Abu Daudi (1996), *op. cit.*, h. 44–45.

<sup>38</sup> *Ibid*, h. 48.

<sup>39</sup> Ahmad Basuni (1986), *Nur Islam di Kalimantan Selatan (Sejarah Masuknya Islam di Kalimantan Selatan)*, t.c. Surabaya: Bina Ilmu, h. 49-50.

menyatakan bahawa pelajaran tauhid dan shari'ah yang dibawa al-Banjari hanya berupa ibadah zahir atau hanya kulitnya sahaja, belum sampai kepada isi atau hakikatnya.<sup>40</sup> Ajaran Abd Hamid ini tidak sahaja difahami secara salah, tetapi juga didakwa telah merendahkan ilmu shari'ah.

Akibat daripada fahaman sedemikian, guru-guru tasawuf tidak menggalakkan murid-murid mereka untuk mengamalkan shari'ah. Guru-guru tasawuf tersebut menyatakan, sesiapa yang telah belajar dan faham ilmu tasawuf mempunyai *maqam*, dan dengan itu telah gugur kewajipan ibadah zahirnya, iaitu tidak perlu lagi melaksanakan ibadah seperti solat, puasa, zakat dan lain-lain ibadah zahir. Pada *maqam* tersebut, sesiapa boleh hanya *bertafakkur* sahaja, tanpa melakukan ibadah wajib. Kenyataan ini dikaitkan dengan hadith yang bermaksud: "*Tafakkur sesaat lebih baik daripada ibadah tujuh puluh tahun*". Berasaskan kepada fahaman ini, maka ramailah ahli tasawuf yang mendakwa bahawa mereka telah cukup ilmu sehingga tidak perlu lagi mengamalkan syariah (ibadah).<sup>41</sup> Oleh demikian ajaran tasawuf aliran *wahdah al-wujud* yang dibawa H. Abd Hamid Abulung semakin diminati ramai. Ini kerana pada dasarnya masyarakat sememangnya tidak suka bersusah-payah menjalankan shari'ah (ibadah) yang menyusahkan seperti solat, puasa, haji dan lain-lain.

Perkara ini telah menimbulkan perbalahan antara pengamal shari'ah (*fuqaha*) dengan ahli sufi atau ahli tarekat. Pengikut al-Banjari dan masyarakat ahli shari'ah memandang kenyataan Abd Hamid itu telah meremehkan shari'ah dan juga peribadi al-Banjari. Hal ini berbangkit kerana ramai ahli masyarakat yang menganggap bahawa al-Banjari adalah ulama yang memahami dan menguasai ajaran Islam dengan baik, yang telah belajar di *Haramayn*. Ekoran daripada perbalahan di atas maka wujudlah penentangan masyarakat terhadap ajaran H. Hamid Abulung secara terang sementara ada pula yang bersetuju dengannya dengan diam-diam.<sup>42</sup> Akhirnya perbalahan tidak dapat dielakan lagi. Kaum *fuqaha* melemparkan tohmahan kepada ahli tasawuf mengamalkan ibadah yang tidak berasaskan syari'ah. Penyokong ajaran tasawuf pula menilai bahawa

---

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Hadish yang disebut oleh al-Banjari dalam kitab *Tuhfah al-Raghibin* tersebut adalah riwayat Dailami, namun dengan sedikit perbezaan pada matannya, iaitu pada permulaan kalimat. Dalam hadis riwayat Dailami dari Abu Hurairah berbunyi: '*Adl fi hukmi sa'atan khairun min ibadati sab'iina saa'atan*'. Lihat: Isma'il bin Muhammad al-Jaluni al-Jarrah, (1405), *Kasyfu al-Khafu'*, Juz 2, Beirut: Mu'assasah Risalah, cet. Ke 4. H. 75. Lihat pula Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari (1421 H/ 2000 M), *Kitab Tuhfah al-Raghibin Syeikh M. Arsyad al-Banjari*, Transliterasi oleh Abu Daudi, YAPIDA: Martapura Kal-Sel. h. 21-22. Lihat Asywadie Syukur (2001), 'Perkembangan Ilmu Keislaman di Kalimantan'. Brunai Darussalam: Makalah disampaikan *Seminar on Islamic References in the Malay World* pada 3-6 Ogos 2001 di Brunai Darussalam, h. 19.

<sup>42</sup> *Ibid*

ahli syari'ah hanya pandai mengamalkan ibadah tanpa memahami makna atau hakikatnya.<sup>43</sup>

Untuk menyelesaikan masalah ini al-Banjari menggunakan dua cara; pertama dengan memperbetulkan hujah-hujah yang digunakan oleh Abd Hamid Abulung dan pengikutnya secara salah dengan menulis kitab seperti *Tuhfah al-Raghibin*; kedua dengan memberikan fatwa kepada Sultan mengenai perkara ini. Hujah yang diperbetulkan al-Banjari menyentuh kefahaman hadith mengenai *tafakkur*. Menurut al-Banjari yang dimaksud kata "*ibadah*" pada hadith di atas adalah ibadah sunnah, bukan ibadah fardu. Sekiranya sesiapa meninggalkan syari'ah seperti solat, zakat dan puasa, maka perlakuan demikian hukumnya adalah kufur. Dalam perkara ini al-Banjari merujuk kepada ayat al-Qur'an: "*Wa 'bud rabbaka hatta ya'tiyaka al-yaqin.*"<sup>44</sup> (*Beribadahlah kepada Tuhanmu sehingga akan datang kepadamu keyakinan kepada Allah*). Ayat ini jelas merupakan perintah beribadah kepada Allah S.W.T. Maksud kalimat "*al-tafakkur saa'atan*" daripada hadith itu adalah mempelajari ayat-ayat Allah S.W.T agar mengenal-Nya dan seterusnya memperoleh *ma'rifatullah*. *Tafakkur* di sini bermaksud menambah iman dan jalan menuju Allah S.W.T, oleh demikian ibadah fardu tidak boleh ditinggalkan. Demikian jelas al-Banjari dalam kitabnya *Tuhfah al-Raghibin*.<sup>45</sup>

Pendekatan *kedua* adalah dengan memberi fatwa mengenai fahaman tasawuf yang dibawa oleh Abd Hamid Abulung. Al-Banjari sedia maklum bahawa dalam tasawuf terdapat ajaran *wujudiyah*.<sup>46</sup> Bagi beliau fahaman *wujudiyah* boleh dibahagikan kepada dua kelompok; pertama, kelompok berfahaman *wujudiyah muwahhid*, iaitu golongan yang meyakini bahawa satu-satunya wujud hanyalah wujud Allah dan seorang hamba dapat bermusyadah dengan wujud Allah S.W.T. Golongan ini boleh disebut sebagai *wahdah al-syuhud*.<sup>47</sup> Fahaman ini menurut al-Banjari adalah fahaman golongan ahli sufi yang sebenar, dan al-Banjari bersetuju dengan golongan ini.<sup>48</sup>

---

<sup>43</sup> Zurkani Yahya (1993), 'Syari'ah Sufisme dan Tariqat', makalah *Seminar Mengenai Nilai Tasawuf Dalam Abad Modern*, dianjurkan oleh Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Antasari, oleh Fakulti dakwah. Tempat di Gedung Auditorium (IAIN) Banjarmasin), h. 2.

<sup>44</sup> Surah *al-Hijr* (15): 99.

<sup>45</sup> Abu Daudi (2000), *op. cit.*, h. 21-22.

<sup>46</sup> Istilah *wujudiyah* merujuk kepada perbahasan yang mengatakan bahawa segala sesuatu yang ada adalah merujuk kepada wujud Allah S.W.T, semua yang ada ini adalah wujud Allah S.W.T, lihat *Ibid*, h. 34-35.

<sup>47</sup> *wahdah al-syuhud* dalam istilah al-Ghazali merujuk kepada *Fana fi al-Tawhid*, ertinya *fana* dari segala sesuatu selain Allah S.W.T termasuk dirinya, dan ini hanya berada pada pandangan mata hati (*syuhud*), lihat Al-Ghazali (1970), *al-Maqсад al-Asma' Syarh Asma' Allah al-Husna*. Mesir: al-Maktabah al-Jundi, h. 147-148.

<sup>48</sup> Abu Daudi, (2000), *op.cit.*, h. 34-35.

Kedua, golongan *wujudiyah mulhidah* iaitu mereka yang berfahaman *wahdah al-wujud*.<sup>49</sup> Golongan ini beranggapan bahawa antara tuhan dan hamba tidak ada perbezaan. Fahaman inilah menurut al-Banjari dikenali dengan nama *wujudiyah mulhidah* yang lazimnya dianuti oleh para sufi yang menganuti ajaran *Hulul* dan *ittihad* (ertinya wujud Allah S.W.T bersatu dengan wujud hamba, dan jika ianya sudah bersatu maka tiada perbezaan lagi di antara *Khaliq* dengan *makhluq*).

Akibat daripada ajaran yang dibawa oleh Abd Hamid Abulung tersebut, maka timbul kerisauan dalam masyarakat. Oleh sebab itu, Sultan Tahmidullah II (1773-1808 M) meminta nasihat dan fatwa daripada al-Banjari yang pada ketika itu memegang jawatan *Mufti* Kerajaan Banjar. Al-Banjari menilai bahawa ajaran yang dibawa oleh Hamid Abulung itu adalah fahaman *wujudiyah mulhidah*. Fahaman ini adalah salah satu dari tujuh puluh tiga aliran (golongan) yang sesat. Aliran ini disebut *zindiq* kerana mereka telah murtad dan mereka berkeyakinan seseorang yang sudah faham ajaran ini boleh menganggap dirinya setara dengan Tuhan sehingga tiada lagi kewajipan dalam pelaksanaan shari'ah.<sup>50</sup> Al-Banjari menegaskan bahawa jika ada seorang wali yang mengajarkan suatu ilmu tasawuf dan telah sampai pada martabat yang tinggi, lalu ia boleh menggugurkan ibadah zahir (syari'ah), pandangan ini adalah salah, dan tidak syak lagi bahawa golongan seperti ini boleh dibunuh. Bagi al-Banjari membunuh seorang *zindiq* lebih afdal daripada membunuh seratus orang kafir asli.<sup>51</sup>

Melalui fatwa al-Banjari tersebut, Sultan faham dan yakin bahawa ajaran yang dibawa oleh H. Abd Hamid Abulung itu salah dan sesat. Atas fatwa al-Banjari tersebut, akhirnya Raja Banjar bernama Sultan Tahmidullah II (1773-1808 M) menjatuhkan hukuman mati ke atas Abdul Hamid, kemudian jasadnya dimakamkan di daerah Martapura Kalimantan Selatan.<sup>52</sup>

---

<sup>49</sup> Istilah dan definisi *wahdah al-wujud*, mempunyai pengertian yang berbagai, bergantung kepada tokoh sufi yang memahaminya. Ini kerana itu tidak ada definisi yang universal yang dapat diterima semua pihak. Namun apa yang dimaksudkan penulis ini di sini iaitu golongan *wahdah al-wujud* itu adalah mereka yang mengatakan bahawa sang hamba menyaksikan Allah Ta'ala pada makhlukNya, dan menyaksikan makhluk pada Allah Ta'ala. Dalam pengertian ini, tiada perbezaan di antara Allah sebagai Pencipta dan makhluk sebagai ciptaanNya, keduanya sama, dikutip dari Al-Burham Puri, *Tuhfah al-Mursalah Illa al-Ruhi al-Nabi Salallahu 'alaihi wassalam*. B. Naskah (Manuskrip) koleksi pribadi Drs Nuridin A.R M.Hum, Peuniti Banda Aceh Sumatera, hh, 5-7

<sup>50</sup> Abu Daudi (2000), *op. cit.*, h. 34-35.

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 20-35.

<sup>52</sup> Sebenarnya al-Banjari tidak memberi fatwa supaya membunuh Abd Hamid Abulung, tetapi al-Banjari memberi fatwa bahawa ajaran itu sesat dan termasuk dalam golongan *zindik* dan jika ada golongan *Zindik* boleh dibunuh kerana membahayakan umat. Keputusan menghukum

Walau bagaimanapun sehingga kini tiada bukti secara bertulis yang dapat membenarkan peristiwa tersebut. Namun, apa yang pasti, peristiwa itu disampaikan melalui satu generasi kepada generasi selepas itu. Bahkan peristiwa seumpama itu tidak asing bagi masyarakat Banjar kerana umat Islam telah maklum akan peristiwa yang pernah berlaku dalam sejarah Islam, misalnya kisah al-Hallaj di Baghdad, Syekh Siti Jenar di Jawa, dan pengikut Hamzah Fansuri di Aceh.

Seterusnya keadaan pemikiran keagamaan di Kalimantan-Selatan dan di daerah Banjar mulai berubah setelah berlakunya peristiwa pembunuhan Abdul Hamid atas hukuman raja. Pengaruh ajaran *wujudiyah mulhidah* dan para peminat dan pengamal ajaran *wujudiyah* turut berkurangan walaupun masih terdapat golongan yang tetap menyokong atau mengamalkan fahaman tersebut secara sulit. Sejak itu al-Banjari mulai menganjurkan kepada masyarakat agar supaya mengamalkan syari'ah (terutama dalam bidang fikah).

Namun perlu dinyatakan di sini, walaupun Abd Hamid Abulung telah didera hukuman sedemikian rupa, namun masih wujud dalam kalangan masyarakat terutama di daerah Banjar daripada kelompok yang mengikut fahaman tasawuf *wahdah al-wujud* ini sehingga kini. Hal ini antara lain adalah kerana pengaruh kitab Muhammad Nafis al-Banjari (1200 H/1785 M) *al-Durr al-Nafis* yang tersebar dan masyhur kerana mengandungi ajaran tasawuf yang tinggi seperti mengenai “*martabat tujuh*.”<sup>53</sup> Fahaman ini mengandungi falsafah yang tinggi dan tidak boleh difahami oleh masyarakat awam sehingga mencetuskan pelbagai salah faham terhadap ajaran tersebut. Ekoran dari itu, sebahagian masyarakat awam Banjar menganggap bahawa ajaran *kitab al-Durr al-Nafis* ini adalah sama dengan ajaran *wujudiyah* yang dibawa oleh Abd Hamid Abulung. Sebenarnya ajaran al-Nafis tidak sedemikian, namun apabila ajaran tersebut difahami secara keliru ianya pasti akan melencong kepada ajaran *wahdah al-wujud* yang beraliran *wujudiyah mulhidah*. Oleh itu tidaklah menghairankan sekiranya wujud anggapan bahawa *kitab al-Durr al-Nafis* sama seperti fahaman *wahdah al-wujud* yang diajarkan Abd Hamid Abulung.

---

mati Abd Hamid Abulung diambil oleh Raja sendiri. Kisah ini termuat pada *Tuhfah ar-Raghibin*. Lihat Abu Daudi (2000), *Ibid*. Lihat juga Abu Daudi, (1996), *op. cit.*, h. 58-60.

<sup>53</sup> Martabat tujuh merujuk kepada pemahaman bahawa segala yang ada atau penciptaan di alam ini termasuk manusia adalah lahir daripada satu hakekat yang tunggal, dan Dia tidak dapat dikenali dengan akal mahupun indera kecuali melalui *bertajalli* (penampakan diri) dengan tujuh martabat. Menurut Muhammad Nafis, Martabat Tujuh ini dicapai dengan *Martabat Tajalli* dan *tanzil*, dari martabat itulah terjadi proses kejadian dari wujud tidak-bermaddah sampai kepada wujud *maddah*. Lihat Muhammad Nafis al-Banjari, *Al Durr al-Nafis*, (t.t) Alih bahasa oleh Haderanie. Surabaya: CV Amin, h. 21.



Apa yang menjadi persoalan di sini adalah mengapa masyarakat Banjar (Kalimantan Selatan) sejak dahulu gemar mempelajari fahaman ilmu hakikat dan fahaman *Nur Muhammad* ? Menjawab soalan ini, H. Irsyad Zein seorang keturunan al-Banjari menyatakan bahawa ramai orang gemar mengaji kitab dan fahaman ilmu hakikat tersebut kerana mereka ingin jalan pintas dalam memahami ilmu hakikat. Mengikut pada keyakinan mereka, sesiapa yang dapat memahami ilmu hakikat, maka seseorang itu tidak perlu lagi mengamalkan syari'ah. Tambahan lagi, menurut H. Irsyad Zain masih wujud di kalangan guru tasawuf yang tidak menggalakan amalan shari'ah kepada masyarakat kerana ilmu hakikat dianggap lebih penting dari syari'ah.<sup>54</sup>

### **Peranan al-Banjari dalam Bidang Keilmuan**

Peranan al-Banjari dalam bidang keilmuan boleh dikaji daripada pemikiran dan kegiatan yang diwujudkan. Hal ini boleh dilihat melalui tiga aspek utama, iaitu: 1) karya yang dihasilkan, 2) kegiatan yang dijalankan berupa majlis-majlis ceramah agama, 3) keturunan dan pewaris perjuangannya.

### **Karya-karya Penulisan al-Banjari**

Peranan dan pemikiran al-Banjari dalam bidang keilmuan dapat dikaji menerusi usaha beliau menulis pelbagai karya bagi membantu menjawab kemushkilan masyarakat Banjar. Al-Banjari yakin bahawa jalan untuk memperbaiki kerosakan akidah dalam masyarakat adalah menerusi penapisan kitab yang tepat dan sesuai. Faktor utama kebodohan umat dalam memahami agama menurut al-Banjari adalah kerana kesilapan guru dalam memilih dan memahami kitab.

Sebagai seorang ulama yang menguasai pelbagai bidang ilmu al-Banjari banyak menghasilkan karya yang sangat bermanfaat bagi pengajaran ilmu-ilmu Islam. Para pengkaji berbeza pendapat mengenai bilangan sebenar karya al-Banjari. H. Wan Mohd Saghir Abdullah menyebutkan bahawa al-Banjari menghasilkan sepuluh karya.<sup>55</sup> Namun Dr. Adurrahman SH, MH menyatakan bahawa al-Banjari menghasilkan

---

<sup>54</sup> Hasil temubual dengan KH Irsyad Zen al-Banjari pada 9 April 2005 di Martapura Kalimantan Selatan. Beliau adalah ulama keturunan al-Banjari keenam dan beliau penulis dan pengkaji pemikiran al-Banjari hingga kini.

<sup>55</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah (1983), *op. cit.*, h. 41-42.

tujuh belas karya.<sup>56</sup> Berikut adalah beberapa karya yang diyakini sebagai hasil tulisan al-Banjari:

1) *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din.*

Kitab ini memuatkan perbincangan fikah ibadah yang ditulis pada tahun 1193-1195 H /1779-1780 M atas permintaan Sultan Tahmidullah. Kitab ini dicetak pertama kali di Mekah, Istanbul dan Kaherah tahun 1882 M.<sup>57</sup> Kitab ini dikenali sebagai kitab bermazhab *Syafi'iyah* yang masyhur di Indonesia dan di Asia Tenggara seperti Philipina, Malaysia, Singapura, Thailand, Brunei, Kampuchea, Vietnam dan Laos.<sup>58</sup> Karya yang masyhur ini menjelaskan mengenai bab ibadah dan *Taharah*. Karya inilah yang membawa puncak kemasyhuran al-Banjari ke seluruh wilayah Asia Tenggara. Sehingga kini, salinan teksnya mahupun cetakannya masih tersimpan di beberapa buah perpustakaan negara di alam Melayu mahupun perpustakaan dunia Islam seperti di Mekah, Mesir, Turki, dan Beirut.<sup>59</sup> Pada pandangan Hamka, kitab *Sabil al-Muhtaddin* tersebut lebih lengkap daripada kitab fikah Syafi'iyah karya Nuruddin al-Raniri yang bertajuk *Sirat al-Mustaqim*. Hamka mengatakan bahawa kitab al-Banjari itu telah menyempurnakan kitab fikah karya al-Raniri.<sup>60</sup>

Kandungan kitab ini lebih lengkap dan memiliki keistimewaan yang tersendiri. Antaranya, kitab ini memperbahaskan masalah-masalah yang tidak dibahas dalam kitab fikah mazhab Syafi'i lainnya. Masalah-masalah tersebut berkait rapat dengan masyarakat Banjar, antaranya (1)

---

<sup>56</sup> Abdurrahman, Thema "Mengetahui Karya Tulis Ulama Banjar", *Menelusuri Karya-Karya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari*, makalah disampaikan pada diskusi Kelompok dianjurkan oleh Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) pada bulan Julai 1988 di Banjarmasin, h. 11-16.

<sup>57</sup> *Kitab Sabil al-Muhtadin* ini mulanya hanya dikenali masyarakat Banjar, kemudian dibawa putera al-Banjari yang bernama Shihabuddin ke Mekah untuk ditashih dengan gurunya bernama Syeikh Daud bin Abdullah Fatani yang pernah bersahabat dengan al-Banjari sewaktu di Mekah. Sheikh Daud pun mentashih dan juga menjadikannya rujukan beliau dalam tulisannya. Kemudian kitab tersebut dicetak di Mekah, dan mulai saat itu Kitab al-Banjari tersebut dikenali ramai terutama oleh kelompok *Jawiyyin* di *Haramayin*. Kemudian ia tersebar di Dunia Melayu sehingga kini. Lihat Wan Mohd Saghir Abdullah, (1985) *Perkembangan Ilmu Fekah dan Tokoh-Tokoh di Asia Tenggara*, Ramadhany, h. 79-80.

<sup>58</sup> Sheikh M. Arsyad al-Banjari, (penterjemah) Asywadi Syukur (1987), *Kitab Sabil al-Muhtadin* (Ed Hatmi), Surabaya: Balai ilmu, h. XII.

<sup>59</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah (1990), *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang Sabil al-Muhtadin*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah. h. 65.

<sup>60</sup> HAMKA (1974), 'Mazhab Syafi'i di Indonesia', dalam HAMKA, *Antara Fakta dan Hayal Tuanku Rao*. Jakarta: Bulan bintang, h. 323.

mengenai hukum pengharaman memakan anak lebah,<sup>61</sup> (2) hukum berhadass besar dan kecil di tempat umum (seperti di sungai) yang tidak berinding dan menghadap *kiblat*,<sup>62</sup> (3) mengenai hukum pengharaman membaca al-Qur'an bersuara nyaring, samada semasa solat mahupun di luar solat, sekiranya hal itu mengganggu dan menimbulkan mudarat bagi orang lain,<sup>63</sup> dan (4) tata-cara menentukan arah *kiblat* yang betul berpandukan ilmu falak sepertimana yang dilakukan al-Banjari.<sup>64</sup>

2) *Risalah Fath al-Rahman*.

Karya ini merupakan terjemahan dan *syarh* kepada *Fath al-Rahman* karya Zakariyya al-Anshri. Al-Banjari menterjemah dan mensyarah kitab tersebut kerana kandungannya dianggap sangat penting dalam membantu menjawab masalah umat yang berbangkit di daerah tersebut. Kandungannya adalah mengenai ilmu tauhid yang murni dan menjelaskan cara mengelak perbuatan syirik zahir mahupun syirik batin serta mengandungi perbincangan berhubung dengan ilmu tasawuf. Kitab tersebut juga menjelaskan kedudukan syari'ah, tarekat dan hakikat dan masalah ilmu tasawuf yang sejak dahulu telah menjadi pertikaian dalam kalangan ulama.<sup>65</sup>

3) *Kanz al-Ma'rifah*.

Karya ini meskipun ringkas, mengandungi perbincangan mengenai tasawuf yang penting dan dapat menunjukkan taraf kedalaman pengetahuan al-Banjari dalam bidang tasawuf. Perbincangan pertama dalam kitab ini adalah mengenai ungkapan; "*Man 'arafa nafsahu faqad 'arafa Rabbahu*" yang maknanya "*Sesiapa telah mengenal akan dirinya maka ia telah mengenal akan Allah.*" Kemudian perbincangan dalam karya ini ialah mengenai kedudukan seorang hamba, meskipun seorang hamba itu telah mencapai peringkat yang tinggi, seperti *maqam fana' fi Allah* dan *Baqa' bi Allah*, ia tetaplah seorang hamba (*'abd*). Kitab ini juga memuatkan amalan praktikal

---

<sup>61</sup> Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari (t.t), *Sabil al-Muhtadin Li al-Faquni fi al-Din, Amriddin, Muhtadin*. Kاهره: Dar Ihya al- Atabiyah, 1: h. 38.

<sup>62</sup> *Ibid*, h. 48.

<sup>63</sup> *Ibid*, h. 247.

<sup>64</sup> *Ibid*, h. 188-190.

<sup>65</sup> Pendapat al-Banjari mengenai tauhid yang murni dan kedudukan syariah, tarekat dan hakekat dan masalah tasawuf boleh dilihat dalam Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (1985), *Risalah Fath al-Rahman*. T.t.p, h. 19-20.

dalam tarekat, yaitu berupa adab berzikir sepertimana yang dilakukan oleh para sufi.<sup>66</sup> Bentuk zikir *Kitab Kanz al-Ma'rifah* memiliki sifat tertentu yaitu tidak mencantumkan *tawassul* kepada guru tertentu (pendiri tarekatnya) sebagaimana lazim diamalkan dalam tarekat. Saranan dan bentuk amalan zikir sebegini adalah antara faktor yang menimbulkan persoalan berkenaan apakah al-Banjari mengikuti dan mendokong suatu aliran tarekat tertentu ataupun tidak.

Para pengkaji tentang al-Banjari berbeza pendapat mengenai perkara ini. Ada yang menyatakan bahawa kemungkinan al-Banjari adalah pengamal tariqah Syaziliyyah berdasarkan jenis zikir yang ditulis dalam risalah *Kitab Kanz al-Ma'rifah*.<sup>67</sup> Sementara sebahagian waris al-Banjari sendiri mendakwa bahawa al-Banjari adalah pengamal dan penyebar pertama tariqah Sammaniyah di Kalimantan-Selatan. Perkara ini juga disokong oleh beberapa orang ulama Kalimantan Selatan.<sup>68</sup> Sememangnya dalam sejarah, al-Banjari bersama Abd al-Samad Palimbani pernah belajar secara langsung dengan Syeikh al-Samman al-Madani. Namun Martin Van Bruinessen tidak sependapat dengan pengakuan para waris al-Banjari tersebut.

Pendapat lain yang turut diakui oleh KH Arsyad Zein yang merupakan salah seorang keturunan al-Banjari adalah al-Banjari tidak hanya mengamalkan satu Tarekat Sammaniyah sahaja, tetapi beliau turut mengamalkan tarekat yang lain.<sup>69</sup> Dakwaan ini merujuk kepada kecenderungan gurunya, Syeikh 'Abd al-Karim al-Samman al-Madani yang mengamalkan berbagai macam aliran tarekat dan mahir dalam memadukan berbagai-bagai jenis zikir. Sesungguhnya apa yang ditulis al-Banjari dalam *Kitab Kanz al-Ma'rifah* merupakan paduan zikir daripada beberapa macam aliran tarekat walaupun yang dicatatkan tersebut ada kemiripan dengan zikir Tarekat Syazaliyah. Apa yang jelas di sini adalah al-Banjari telah

---

<sup>66</sup> Muhammad Arsyad al-Banjari, (1200), Teks *Kitab Kanz al-Ma'rifah*, h. 1

<sup>67</sup> Hasil temubual dengan Asywadi Syukur pada 27 Ogos 2004 di Banjarmasin. Beliau adalah salah seorang keturunan Al-Banjari yang tinggal di Banjarmasin. Beliau adalah seorang ilmuwan dan ulama di Banjar dan masih mempelajari pemikiran Al-Banjari sehingga kini.

<sup>68</sup> Martin Van Bruinessen (1992), *Tarekat Naqsabandiyah di Indonesia*. Bandung: Mizan, h. 88.

<sup>69</sup> Abu Daudi (H. M Irsyad Zain), hasil temubual dengan Martin Van Bruinessen di dalam pagar pada 13 November 1993 di Martapura. Hasil temubual ini termuat pada karya Martin, lihat Martin Van Bruinessen (1995), *op. cit.*, h. 66.

berjaya memperoleh gelaran *khalifah* semasa berada di Madinah.<sup>70</sup>

4) *Tuhfah al-Raghibin*.

Pemikiran al-Banjari mengenai pemurnian akidah turut dimuatkan dalam karyanya bertajuk *Tuhfah al-Raghibin*. Karya ini telah ditransliterasikan dan dicetak untuk kegunaan umat Islam di Banjar kerana kitab ini boleh menjadi rujukan dan pedoman dalam memahami akidah Islam dan memurnikannya. Latar belakang penulisan kitab ini adalah hasil dorongan ketika beliau mendapati keadaan akidah umat Islam di Kalimantan Selatan sangat meruncing. Perlakuan syirik terus dilakukan walaupun mereka sudah menganut agama Islam. Perbuatan yang merosakkan akidah itu tidak boleh dibiarkan. Lalu al-Banjari mula memperbaiki masyarakat dengan menulis kitab mengenai upacara adat ritual yang lazimnya dilakukan oleh masyarakat Banjar seperti membuang pasilih dan bersahabat dengan jin (orang ghaib) yang disebut “*muwakkal*.”<sup>71</sup> Menurut al-Banjari, perbuatan tersebut hukumnya adalah syirik dan kafir. Beliau merujuk kepada kata Syeikh Muhyidin Ibn al-‘Arabi dalam kitab *Futuhaat* yang menyatakan bahawa manusia tidak patut mendampingi jin kerana jin sangat jahil kepada Allah S.W.T., sombong dan menjadikan seseorang itu berfikiran was-was dan mereka sebenarnya tidak memperoleh ilmu dari Allah S.W.T.<sup>72</sup> Menurut al-Banjari lagi, upacara ritual yang dilaksanakan itu adalah *bid’ah* dan *syirik* serta bersalahan dengan panduan al-Qur’an dan al-Hadith. Oleh itu semua yang mengamalkannya wajib bertaubat.<sup>73</sup> Secara umumnya, semua ajaran-ajaran untuk meluruskan akidah yang salah telah dimuat dalam kitab *Tuhfah al-Raghibin*.

5) *Kitab al-Fara’id*.

Karya ini membahaskan pelbagai persoalan hukum harta pusaka termasuk mengenai ahli waris bagi lelaki dan wanita dan mengenai harta waris dan cara pembahagiannya.

---

<sup>70</sup> Mengenai gelar *khalifah* lihat Zafri Zam Zam (1979), *Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjari Ulama Besar Juru Dakwah*. Banjarmasin: Penerbit karya, h. 7.

<sup>71</sup> Berkenaan upacara adat ritual yang lazim dilakukan masyarakat Banjar yang tidak sesuai ajaran Islam iaitu mengenai menyanggar banua, membuang pasilih, dan mengenai muwakkal, lihat Abu Daudi (2000), *op. cit.*, h. 38- 48.

<sup>72</sup> *Ibid*, h. 48-49.

<sup>73</sup> *Ibid*, h. 38.

- 6) *Kitab Usuluddin*.  
Kandungan kitab ini adalah mengenai sifat-sifat Allah Dua Puluh. Kitab ini sehingga kini masih belum ditemui manuskripnya.
- 7) *Istikhraj al-Kusuf*.  
Memuatkan perbincangan tentang ilmu Falak. Al-Banjari menjelaskan mengenai gerhana matahari dan bulan dan persoalan ilmu Falak lainnya. Menurut penyelidikan Dr. Abdurrahman MH, karya ini disalin oleh putera al-Banjari sendiri pada tahun 1224 H,<sup>74</sup> tetapi karya itu belum pernah dicetak dan masih berupa manuskrip yang sehingga kini masih belum lagi dikenali ramai.
- 8) *Qawl al-Mukhtasyar fi `Alamah al-Mahd al-Muntasyr*.  
Kitab ini mengandungi perbincangan tentang tanda-tanda hari kiamat dan kedatangan Imam Mahdi. Risalah ini ditulis oleh al-Banjari pada tahun 1196 H/1782 M dan pernah diterbitkan di Singapura pada tahun 1937 M.
- 9) *Kitab Perukunan*.  
Kitab ini berisi dasar-dasar ibadah dan akidah yang diulas secara sederhana dan ia ditulis untuk orang awam. Kitab ini ditulis oleh cucu al-Banjari bernama Fatimah binti Usman yang dicatatkan melalui hasil pembelajaran dari datuknya al-Banjari. Namun, kitab itu disemak ulang oleh Jamaluddin anak daripada al-Banjari yang menjadi mufti di kerajaan Banjar pada ketika itu. Oleh sebab itu, kitab ini disebutkan sebagai Perukunan Jamaluddin.<sup>75</sup> Kitab ini beredar di negeri Melayu dan diterbitkan beberapa kali di Nusantara dan di Singapura.
- 10) *Mushaf al-Qur'an al-Karim*.  
Ia adalah hasil tulisan tangan al-Banjari yang sangat indah. Mushaf al-Qur'an ini masih tersimpan di Muzium Daerah di Banjarbaru Kalimantan Selatan.
- 11) *Fatwa Syeikh 'Atha'illah, dan fatwa Syeikh Sulayman al-Kurdi*.  
Kitab ini berupa catatan al-Banjari yang menghimpun dan membukukan soal-jawab agama yang dituntut semasa beliau

---

<sup>74</sup> Abdurrahman (1991), 'Menelusuri Karya Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari', dalam *Harian Dinamika Berita*, 20-23 November 1991, di Banjarmasin, h. 2.

<sup>75</sup> Alfani Daud (2002), *op. cit.*, h. 54-55.

belajar dengan para gurunya di *Haramayn*<sup>76</sup>, khususnya daripada pelajaran yang diterimanya daripada kedua-dua guru tersebut. Kedua-kedua kitab di atas adalah dalam bidang fikah.

12) *Luqat al-Ajlan*.

Karya ini ditulis oleh al-Banjari pada tahun 1778 M. Ia memuatkan permasalahan fikah kaum wanita.<sup>77</sup> Al-Banjari juga menulis mengenai *Kitab Nikah* yang memuat masalah nikah dan masalah fikah yang lain.

13) *Hasyiyah Fath al-Jawad*.

Karya ini merupakan *hasyiyah* oleh al-Banjari terhadap sebuah kitab karya Haytami Ibn Haytami. Walau bagaimanapun, tidak ada keterangan mengenai judul kitab Haytami Ibn Haytami yang *disyarah* oleh al-Banjari.

14) *Arkan Ta'lim Syibyan*.

Kitab ini mengandungi perbincangan mengenai pendidikan anak-anak.<sup>78</sup>

Itulah sebilangan karya-karya al-Banjari yang diketahui secara jelas. Di samping itu, terdapat pula beberapa karya lain yang dikaitkan dengan al-Banjari yang tidak disenaraikan di sini kerana wujud ketidakpastian mengenai kesahihan nisbahnya kepada al-Banjari. Terdapat manuskrip nukilan-nukilan yang ditemui dan tertulis padanya nama al-Banjari, namun setakat ini belum ada lagi penyelidikan dijalankan ke atas karya-karya itu sama ada ia benar-benar ditulis oleh al-Banjari atau sebaliknya.

---

<sup>76</sup> Pertanyaan al-Banjari kepada sheikh mengenai masalah yang terjadi di tanah air saat itu antaranya ialah berkenaan tindakan Raja yang memungut pajak dan hukuman denda bagi yang tidak membayarnya, dan hukuman denda bagi yang tidak melaksanakan solat Jum'at. Manuskrip ini hingga kini masih disimpan oleh keturunan al-Banjari dan belum pernah diterbitkan.

<sup>77</sup> Naskah ini belum pernah diterbitkan. Menurut Wan Mohd Saghir Abdullah naskahnya ditulis dengan berbahasa jawi yang manuskripnya masih disimpan oleh keluarga al-Banjari, kemungkinannya yang di Indragiri Riau dan ia ada juga tersimpan di pusat manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia. Keterangan ini hasil temubual dengan Wan Saghir Abdullah pada 23 Dis. 2005 di kediamannya di Kuala Lumpur.

<sup>78</sup> Abdurrahman (1988), *Menelusuri karya-karya Syekh Arsyad al Banjari*, Banjarmasin, Laporan hasil Penyelidikan dan hasil Seminar mengenai Pemikiran Keagamaan Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari, dianjurkan oleh Ikatan Cendekiawan Muslim (ICMI) di Banjarmasin, h. 8-10

## Aktiviti Keagamaan al-Banjari

Al-Banjari diamanahkan jawatan penasihat kerajaan (*Mufti*) di Kalimantan Selatan. Semasa beliau memegang jawatan *Mufti*, beliau telah berjaya menubuhkan institusi-institusi keagamaan dalam Kerajaan Banjar, khasnya institusi berkaitan dengan bidang Shari'ah iaitu Mahkamah Shari'ah. Mahkamah ini menjalankan tugas dan tanggungjawab pelbagai hal berkaitan dengan pelaksanaan ibadah bagi rakyat. Para ahli jawatan kuasa di institusi ini terdiri daripada saudara al-Banjari sendiri yang mendapat tunjuk ajar langsung dan telahpun dipersiapkan oleh al-Banjari sendiri.<sup>79</sup>

Al-Banjari berusaha dan berjaya meyakinkan raja bahawa peranan dan kedudukan *ulama'* itu lebih tinggi daripada *umara'*, khususnya berkenaan keagamaan. Walhasil, raja pun sedia maklum mengenai peranan dan keperluan ulama bagi membimbing masyarakat. Oleh itu, raja atau *umara* akan mengambilkira fatwa para ulama.<sup>80</sup> Melalui persefahaman ini, dalam jangka masa yang singkat al-Banjari berjaya menegakan hukum syar'iah dalam kerajaan Banjar. Menerusi penegakan hukum itulah keadaan keagamaan beransur mengalami perubahan. Ini adalah suatu sumbangan besar al-Banjari dalam kerajaan Banjar dan ia juga merupakan perjuangan utama al-Banjari di daerahnya itu.

## Keturunan dan Pewaris Perjuangan al-Banjari

Al-Banjari dikurniakan umur yang panjang iaitu sehingga seratus lima tahun. Beliau telah berkahwin sebanyak sebelas kali, tujuh daripada isterinya melahirkan zuriat yang ramai. Apa yang pasti, dalam usaha untuk mendidik keturunannya supaya menjadi para calon pemimpin yang akan meneruskan perjuangannya, beliau telah mengasaskan sebuah pusat pengajian untuk ahli keluarga beliau. Mereka terdiri daripada saudara, keluarga, anak-anak dan cucu-cucu beliau. Dari pusat pengajian ini lahirlah ramai tokoh-tokoh ulama, *Qadhi* dan mufti yang berjaya meneruskan dakwah yang diasaskan beliau dalam kerajaan Banjar dan di dunia Melayu yang kesemuanya memperjuangkan keluarga al-Banjari.<sup>81</sup> Gerakan dakwah yang dipraktikkan oleh al-Banjari ini memperoleh sokongan padu daripada ahli keluarga dan keturunannya serta meninggalkan kesan yang sungguh besar kepada masyarakat.<sup>82</sup>

---

<sup>79</sup> Abu Daudi (1996), *op. cit.*, h. 49. Lihat Yusuf Halidi (1968), *op. cit.*, h. 25

<sup>80</sup> Mattulada (1998), *Sejarah Masyarakat dan Kebudayaan Sulawesi Selatan*. Makassar, Sulawesi: Universiti Hasanuddin, h. 345-346.

<sup>81</sup> Abu Daudi Maulana (1996), *op. cit.*, h. 57-58.

<sup>82</sup> *Ibid.*



Keturunan al-Banjari yang menjadi Qadhi adalah seramai sepuluh orang, antaranya putera-putera beliau, Haji Abu Su'ud, H Abu Na'im dan Syeikh Syihabuddin yang menjadi *khalifah* di Kalimantan Selatan pada zaman pemerintahan sultan di Banjar, di samping cucunya H. Muhd, As'ad bin Usman dan cicitnya H. Muhd Arsyad bin Mufti H, Muhd. As'ad. Seterusnya Hj. Muhd Khalid bin 'Alamah Hasanuddin (cucu), H. Muhd Nur bin H Mahmud (cucu), H. Muhd Husein (putera) dan H. Jamaluddin bin H. Abdul Hamid (cucu). Kesemuanya ini adalah keturunan al-Banjari yang menjadi Qadhi di Kalimantan Selatan.

Selain menjadi Qadhi ramai juga daripada keturunan al-Banjari yang menjadi ulama dan mufti sama ada dalam kerajaan Banjar Kalimantan-Selatan ataupun di beberapa daerah yang lain. Keturunan beliau yang menjadi mufti sultan dalam kerajaan Banjar antaranya adalah 'Alim al-'Allamah Muhammad As'ad, iaitu cucunya yang sempat menjadi murid langsung kepada al-Banjari, dan keturunannya yang lain seperti H Muhammad Hussein bin Mufti H. Jamaluddin, H. Abdul Jalil bin Mufti Haji Syihabuddin, Haji Muhammad Amien, Haji Sa'id bin Haji Abdurrahman, Haji Mukhtar bin Qadhi, Haji Hasan dan mungkin banyak lagi yang belum diketahui.<sup>83</sup> Diantara mereka yang menjadi mufti dari luar daerah Banjar adalah Syeikh Abdurrahman Shiddiq bin H. Muhd Afif bin Mahmud bin Jamaluddin bin al-Banjari. Beliau daripada keturunan al-Banjari yang lahir di Martapura dan kemudiannya menetap di Indragiri (Sumatera) dan menjadi mufti di Kerajaan Indragiri di Sumatera.<sup>84</sup> Beliau dikenali sebagai ulama sufi Nusantara dan namanya masyhur sehingga ke dunia Melayu. Dari keseluruhan keturunan al-Banjari, Syeikh Abdurrahman Syiddiq adalah keturunan al-Banjari yang paling banyak berkarya.<sup>85</sup> Beliau

---

<sup>83</sup> *Ibid.* h. 37.

<sup>84</sup> Abdurrahman Shiddiq (t.t), *op.cit.*, h. 73-74. Lihat Wan Mohd Saghir Abdullah, (1990), *op. cit.*, h. 36-37.

<sup>85</sup> Nama asal Abdurrahman Shiddiq bin Muhammad Afif adalah seorang ulama sufi lahir di Martapura (th 1857-1939 M.). Ia adalah keturunan ke 3 (tiga) dari M Arsyad al-Banjari yang kemudiannya bermukim di Indragiri Sumatra dan keturunannya tersebar ke dunia Melayu. Ada empat belas karya yang didapati antaranya yang masyhur, Kitab *Risalah Amal Ma'rifah*, sebuah kitab tasawuf yang memuatkan perbincangan mengenai Ilmu *Ma'rifah (Tasawuf Falsafi)*. Beliau terkenal sebagai ulama besar abad 19 Masehi berdasarkan karya dan kealimannya. Lihat Muhammad Nasir (1989), *Sisi Kalam Dalam Pemikiran Islam Syeikh Abal-Durrahman Shiddiq al-Banjari*. Sebuah tesis pasca sarjana IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta. Lihat Bahrn Noor Haira (1985), *Pengajian Tasawuf di Kalimantan Selatan*, Makalah Seminar di IAIN Banjarmasin. h. 5. Menurut KH Djanawi, *Risalah Amal Ma'rifah* tu adalah ikhtisar dari *Kitab Al-Dur al-Nafis* karya Muhammad Nafis al-Banjari. Lihat KH Djanawi (1986), 'Beberapa Ajaran Kitab Tasawuf Wahdahal-Wujud yang tidak sejalan dengan ajaran Tasawuf Ahlussunnah', *Seminar Pemantapan Pengajian Tasawuf Sunni di Kalimantan Selatan*, Banjarmasin: 26-27 September, 1986 di IAIN Antasari, h. 7.

diakui sebagai tokoh sufi di Nusantara dan kemasyhurannya sebagai tokoh sufi melebihi datuknya sendiri iaitu al-Banjari.<sup>86</sup>

Keturunan al-Banjari tersebar bukan hanya di Nusantara tetapi ada juga yang berada di Mekah. Syeikh Muhammad Yasin bin Muhammad Isa al-Fadani (Padang) menyebutkan bahawa ada keturunan al-Banjari yang berada di Mekah bernama Syeikh Yusuf bin Muhammad Arsyad al-Banjari. Manakala keturunannya yang menjadi *syeikh* di Mekah pula bernama Syeikh Ali bin ‘alimul Fadhl H. Abdullah bin ‘Alim al-‘Allamah Qadhi H. Mahmud bin Asiah binti Muhd. Arsyad al-Banjari. Zuriat keempat daripada al-Banjari ini lahir di Mekah pada tahun 1285 H/ 1868 M dan beliau mengajar di Masjid al-Haram hingga wafat pada tahun 1307 H.<sup>87</sup> Sehingga kini, masih ada lagi keturunan al-Banjari yang mengajar di *al-Haram* seperti Syeikh H. Abd. Karim bin Diyang Kacil binti Qadhi H. Sa’id Jazuly Nambau bin Qadhi H. Abu Su’ud bin Muhd Arsyad al-Banjari.<sup>88</sup>

Selain itu, terdapat pula zuriat beliau yang berada di Kedah, Malaysia iaitu ‘Alim al-‘Allamah Qadhi H. Abu Su’ud bin Syeikh. Muhd. Arsyad al-Banjari yang *Syahid fi sabilillah* ketika tewas di medan peperangan menentang Siam. Qadhi Su’ud mempunyai beberapa keturunan yang alim dan terkenal di Malaysia seperti ‘Alim al-Allama H. Muhd. ‘Uayyib bin Mas’ud penyusun kitab Melayu Jawi bertajuk *Miftah al-Jannah*, kitab yang banyak dipelajari di sana. Di samping itu, H. Muhd. Zain bin Mas’ud juga berkhidmat sebagai Hakim, dan H. Muhd. Bahauddin bin Mas’ud, iaitu seorang Pahlawan.<sup>89</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah ada menyatakan bahawa terdapat keturunan al-Banjari yang bernama H. Muhd Nashir, yang berkerja sebagai guru Sultan dan pembesar di Kedah. Namun, dia tidak menyebutkan nama Sultan yang mana satu dan siapa amannya itu.<sup>90</sup>

---

<sup>86</sup> Al-Banjari masyhur sebagai tokoh ulama fekah di dunia Melayu. Ini berbeza dengan Sheikh Abdurrahman Shiddik, cicit M. Arsyad al-Banjari yang merantau dari Martapura (Kalimantan Selatan) ke Indragiri (Riau, Sumatra) bersama perantau Suku Banjar ke Indragiri (Riau) Sumatera pada tahun 1885 M, iaitu pada masa pemerintahan Sultan Isa Raja Kerajaan Indragiri ke II. Beliau pernah menjadi *mufti* pada Kerajaan Indragiri. Sebagai ulama sufi Nusantara yang berasal dari daerah Banjar, beliau adalah satu-satunya keturunan al-Banjari yang termuat dalam *Encyclopedie Islam di Indonesia*. Lihat *Encyclopedie Islam di Indonesia* (1987-1988), Jakarta: Penerbit Pemerintah Indonesia, Team Departemen Agama. Lihat Syafe’i Abdullah, (1982) *Riwayat Hidup dan Perjuangan Ulama Syeikh H.A Rahman Shiddik, Mufti Indragiri*, Jakarta: V.C. Serajaya, h. 19 dan 45. Lihat Muhtar Lutfi dkk. (1997), *Sejarah Riau*. Pekanbaru: UNRI (Universitas Riau), h. 364. Lihat juga Departemen Agama, Direktur Pembinaan Kelembagaan Agama Islam (1993), *Encyclopedia Islam Indonesia*. Jakarta: CV Anda Utama, h. 28-29.

<sup>87</sup> Seperti yang dituturkan oleh Wan Mohd Saghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 47.

<sup>88</sup> Abu Daudi (1996), *op. cit.*, h. 250-251.

<sup>89</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 37.

<sup>90</sup> *Ibid*, h. 38.

Terdapat pula keturunan al-Banjari yang meneruskan dakwah al-Banjari sampai ke Johor. Beliau bernama Zakaria bin Mufti H. Abdul Jalil bin Syeikh Syihabuddin bin Muhd Arsyad al-Banjari yang mana keturunannya tersebar sehingga ke Singapura.<sup>91</sup> Zuriat yang menyebarkan dakwah di Sarawak pula bernama Abdul Ghani, daripada keturunan Syarifah.<sup>92</sup> Daripada keturunan inilah, seterusnya tersebar ke Pontianak Kalimantan Barat, kemudian ke Brunei Darussalam, iaitu dari keturunannya bernama H Muhammad Tasin binti Mufti H. Jamaluddin bin Syeikh Arsyad al-Banjari. Sebelum sampai pergi ke Brunei untuk berdakwah beliau telahpun melangsungkan perkahwinan di Pontianak. Di samping itu, ada tiga orang cicit al-Banjari bernama H Muhammad Yusuf, Haji Arsyad dan Abdurrahman yang pergi berniaga dan berdakwah ke Singapura, Saigon dan Kamboja sehingga merentasi Pontianak dan Sumatera.<sup>93</sup> Manakala keturunan beliau di negeri Fatani adalah zuriat al-Banjari dari Kyai Dipa Santa Ahmad bin Fardi bin Ahmad, dan puteranya bernama H. Amin. Beliau inilah datang pertama kalinya ke Fatani dan menyebarkan zuriat al-Banjari di Fatani sehingga kini.<sup>94</sup>

Di Kalimantan Selatan, keturunan al-Banjari yang masyhur kini bernama H. Zaini Ghani yang dikenali dengan sebutan “Guru Ijai” (guru sekumpul). Beliau lahir di Martapura (1361H) dan dikenali sebagai ulama karismatik, guru pengajar tasawuf yang diterima segenap lapisan masyarakat termasuk orang awam. Setiap kali berlangsung kuliah pengajian di kediamannya di daerah Sekumpul, beribu-ribu murid datang dari pelbagai daerah di Kalimantan mahupun dari luar pulau. Beliau wafat di Martapura 10 Ogos 1426H./2005M. Sehingga kini pengajarannya masih berlangsung dan diteruskan oleh para muridnya.

Inilah antara keturunan al-Banjari yang ramai dan menjadi alim ulama yang dapat meneruskan perjuangannya. Kejayaan al-Banjari ini antaranya adalah berkat doa dan usaha al-Banjari dan keluarganya untuk menghasilkan para zuriat yang *‘alim lagi soleh*.

---

<sup>91</sup> Abdurrahman Ashiddiq (1937), *op. cit.*, h. 38.

<sup>92</sup> Syarifah adalah puteri sulung Sheikh M. Arsyad al-Banjari daripada isteri pertama (tuan Bajut), dan Syarifah mempunyai anak bernama Fatimah. Dia belajar langsung daripada ibunya (Syarifah) dan datuknya Sheikh M. Arsyad al-Banjari dan mendapat ilmu *Arabiyyah*, hadis, tafsir dan feqah. Kemudian didapati sebuah karya berjudul *Kitab Perukunan* yang bertuliskan atas nama Fatimah (cucu al-Banjari). Kitab ini diduga ditulis di bawah bimbingan datuknya Sheikh M. Arsyad al-Banjari, Namun kitab itu terkenal dengan *Perukunan Jamaluddin*. Lihat Abu Daudi. (1996), *op. cit.*, h. 70.

<sup>93</sup> Abdurrahman Shiddiq (1937), *op. cit.*, h. 38. Lihat Wan Mohd Saghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 40- 41.

<sup>94</sup> *Ibid*, h. 84.

## Pengiktirafan Para Ilmuan terhadap Sumbangan Al-Banjari

Penyelidikan mahupun penulisan mengenai sejarah hidup, perjuangan dan pemikiran al-Banjari telahpun banyak dilakukan. Para pengkaji dan penulis pada amnya bersepakat mengenai keilmuan dan kealiman tokoh ini.

Dalam *Ensiklopedi Hukum Islam* al-Banjari disebut sebagai ulama besar yang berpengaruh dan berperanan penting dalam sejarah perkembangan Islam khususnya di Kalimantan. Beliau adalah pakar dalam bidang fikah, shari'ah dan tasawuf. Beliau adalah seorang tokoh yang gigih mempertahankan faham *ahl Sunnah wa al-Jama'ah* berpaksikan teologi Asy'ariyyah dan feqah mazhab Syafi'i. Al-Banjari adalah seorang penulis kitab agama yang produktif.<sup>95</sup> Seorang peneliti asal Belanda, Karel A. SteenBrink, mengatakan bahawa prestasi al-Banjari dalam bidang fikah ini menjadi perhatian dan pujian ramai hingga di beberapa belahan dunia terutama di Alam Melayu. Beliau menyebutkan bahawa al-Banjari dengan kitabnya dalam bidang fikah setebal itu, (maksudnya *Kitab Sabil al-Muhtadin*) adalah sebagai "ulama besar" yang kreatif. Pada pendapatnya tidak ada seorang pun ulama (yang boleh di jumpai hingga kini) yang mampu mengarang kitab fikah dalam bahasa Melayu serta kandungannya yang menyeluruh sepertimana yang dihasilkan oleh al-Banjari tersebut.<sup>96</sup>

Menurut Prof. Pijper, karya al-Banjari masyhur kerana karyanya mengenai fikah berbahasa Melayu. *Kitab Sabil al-Muhtadin* menjadi rujukan dan amat disukai oleh mereka yang minat belajar agama. Apatah lagi karya ini menjadi pedoman dan rujukan bagi menyelesaikan masalah-masalah rumit yang berlaku dalam masyarakat di kesultanan Banjar. Menerusi bukunya itu al-Banjari telah memberikan corak peribadatan Muslim dan kehidupan keberagamaan dalam masyarakat Kalimantan khususnya dan kepada masyarakat Muslim di Asia Tenggara umumnya.<sup>97</sup> Di samping itu al-Banjari juga telah melahirkan ramai yang bergelar Mufti dan Qadhi (Penghulu) untuk masyarakat dan Kerajaan Banjar.<sup>98</sup>

---

<sup>95</sup> Direktorat Jendral Pembinaan Kelembagaan Agama Islam, (1997) *Ensiklopedi Islam di Indonesia*, Jakarta: Departemen Agama RI, h.191

<sup>96</sup> Karel A. SteenBrink (1984), *Beberapa Aspek Mengenai Islam Di Indonesia Di Abad 19*. Jakarta: Bulan Bintang, h. 91 Lihat Rasyidah (1990), *Ijtihad Syekh M. Arsyad al-Banjari Dalam Bidang Fekah*. Jakarta: Paska Sarjana IAIN (Intitut Agama Islam Negri) Syarif Hidayatullah, h. 5.

<sup>97</sup> Asywadie Syukur (2003), 'Tela'ah Khusus Terhadap Sabilal Muhtadin Karya Syekh M. Arsyad al- Banjari', *Seminar Internasional Pemikiran M. Arsyad al Banjari* pada 4-5 Oktober, 2003 di Banjarmasin, h. pendahuluan.

<sup>98</sup> G.F. Pijper (1934), *Fragmenta Islamices*. Leiden: Studies over het Islamisme in Nederlandsh Indie, E.J. Brill, h. 54-55. Lihat *Fragmenta Islamices*, Terjemahan (1987), Universitas Indonesia Press. Beberapa Studi Mengenai Islam di Indonesia Awal Abad XX, Jakarta: UI Press.

Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah seorang penyelidik dan penulis mengenai karya-karya Melayu mengatakan bahawa al-Banjari malalui perjuangan dan sumbangannya patut digelar sebagai ‘Matahari Islam’. Kenyataan itu ditulis sebagai tajuk sebuah bukunya.<sup>99</sup> Pengakuan seorang ulama besar di Kalimantan Selatan bernama H Zafri Zam-Zam mengatakan bahawa al-Banjari adalah ulama besar dan pendakwah serta ulama yang memimpin amar ma’ruf dan memerangi kemungkaran di kalangan umat Muslim Banjar di Kalimantan-Selatan. Pada mulanya sejarah umat Muslim Kalimantan Selatan mengalami kegelapan, namun dengan lahirnya al-Banjari mereka telah menemukan cahaya terang yang menerangi umat Muslim pada abad 13 H/ 18 M.<sup>100</sup>

## Kesimpulan

Al-Banjari adalah tokoh penting di daerah Banjar. Beliau adalah tokoh ulama yang pertama menyebarkan dakwah Islam sehingga Islam tersebar dengan baik dalam pemerintahan mahupun dalam kalangan masyarakat kerajaan Banjar. Melalui pengakuan dan penghargaan para tokoh dan para ulama mengenai al-Banjari, boleh disimpulkan bahawa beliau adalah tokoh ulama yang patut disebut sebagai tokoh *mujaddid* di dunia Melayu mahupun di tanah airnya, ekoran kejayaan beliau dalam merubah kebodohan umat Muslim daerah Banjar menjadi umat Muslim yang taat mengamalkan agama sesuai dengan ajaran Islam yang benar. Beliau adalah tokoh ulama penasihat kerajaan dan seorang pengasas yang menubuhkan *Mahkamah Syar’iyah*, sebuah lembaga hukum yang menangani masalah hukum Islam dalam rangka melancarkan dakwahnya kepada masyarakat Banjar. Al-Banjari juga dilihat sebagai seorang *mujtahid* kerana ijtihadnya yang bernas dalam bidang fikah, dalam pemurnian *aqidah* serta dalam bidang tasawuf, khususnya melalui karya-karya yang dihasilkannya. Sehingga kini karya-karya tersebut masih menjadi pedoman dan rujukan umat Muslim di dunia Melayu mahupun di negeri-negeri sekitarnya.

Beliau wafat pada tarikh 6 Syawal 1227 H (13 Oktober, 1812 M),<sup>101</sup> dan dimakamkan di desa Pelampaian di daerah Kalimantan-Selatan. Masyarakat Banjar biasa menggelar beliau dengan gelaran “Datuk

---

<sup>99</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah (1983), *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Matahari Islam*. Kuala Mempawah: Yayasan Pendidikan dan Dakwah Islamiyah al-Fatani.

<sup>100</sup> Zafri Zam-Zam (1974), *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Sebagai Juru Da’wah*. Banjarmasin: Penerbit Karya, h. 16.

<sup>101</sup> Wan Mohd. Saghir Abdullah (1983), *op. cit.*, h. 6. Lihat Yusuf Halidi (1968), *op. cit.*, h. 28 – 29.

Kelampaian”.<sup>102</sup> Beliau juga dikenali dengan gelaran “al-Banjari” merujuk kepada tempat kelahirannya di kawasan Kerajaan Banjar. Makam al-Banjari selalu dikunjungi masyarakat Kalimantan Selatan hingga kini, dan setiap tahun tarikh wafatnya disambut besar-besaran yang dihadiri oleh masyarakat ramai Kalimantan Selatan. Hal ini menunjukkan betapa besarnya sumbangan dan pengaruh al-Banjari dalam masyarakat Kalimantan Selatan sehingga kini.

## Bibliografi

- Abdurrahman SH, (1988), Thema “*Mengenal Karya Tulis Ulama Banjar*”, *Menelusuri Kaya-Karya Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari*, makalah diskusi kelompok Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) di Banjarmasin Juli 1988.
- Abdurrahman SH.MH (1991), ‘Menelusuri Karya Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari’, dalam *Harian Dinamika Berita*, 20-23 November 1991, Banjarmasin.
- Abdullahman SH, MH, (2002), “*Peranan Syekh M. Arsyad al-Banjari Dalam Membentuk Masyarakat Banjar Islami*” Hasil penyelidikan disampaikan dalam peringatan kelahiran Syekh M. Arsyad al-Banjari, 29 April 2002, di Banjarmasin.
- Abdurrahman Shiddiq al-Banjari Syekh,(1937), *Risalah Syajarah al-Arsyadiyah wa ma Ulhiqa biha*, Singapura: Matba’ah al-Ahmadiyyah.
- Abu Daudi (1996), *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari (Tuan Haji Besar)*, Dalam Pagar Martapura, Kal-Sel: Madrasah Sullam al-Ulum, 1996.
- Abu Hamid (2001), *Syekh Yusuf Makassar Dan Perannya Dalam Pengembangan Ilmu Keislaman di Nusantara*, makalah (sejak tahun 2005 telah menjadi karya Ilmiah yang telah diterbitkan) di bentang pada seminar “Bahan Rujukan Islam Nusantara”, pada 20-23 Ogos, 2001 di Brunai Darussalam: Dianjurkan oleh Jawatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri.
- A.Gazali Usman (1999), *op. cit.*, h. 42. Lihat Abu Daudi (1997), “*Riwayat Dan Silsilah Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari, Banjarmasin*”, dalam *Banjarmasin Post*, 30 Mart, 1997.
- Ahmad Basuni (1971), *Jiwa Yang Besar Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari*. Bandung: Pusaka Galunggung.
- Ahmad Basuni (1986), *Nur Islam di Kalimantan Selatan (Sejarah Masuknya Islam di Kalimantan Selatan)*, t.c. Surabaya: Bina Ilmu.

---

<sup>102</sup> Abdurrahman (1991), ‘Menelusuri karya Syekh M. Arsyad al-Banjari’ dalam *Dinamika Berita* (20 November 1991) Banjarmasin.

- Asywadie Syukur (2001), 'Perkembangan Ilmu KeIslaman di Kalimantan'. Brunai Darussalam: Makalah disampaikan dalam *Seminar on Islamic References in the Malay World* pada 3-6 Ogos 2001 di Brunei Darussalam.
- Asywadie Syukur (1983), *Ilmu Tasawuf*. jld.1. c.1. Surabaya: Penerbit Bina Ilmu.
- Asywadie Syukur (2003), *Telaah Khusus Terhadap Sabilal Muhtadin Karya Syekh M. Arsyad al-Banjari*, Seminar Internasional, Pemikiran M. Arsyad al-Banjari di Banjarmasin, 4-5-Oktober-2003.
- Alfani Daud (1997), *Islam Masyarakat Banjar Asal-Usul dan Perkembangan Sukubangsa Banjar*, Jakarta Manajemen PT Raja Grafindo Persada.
- Awang Muhammad Jamil al-Sufri (1990), *Tarsilah Brunei, Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Jilid II, Cet.I, Ehsar Pusat Sejarah Brunai Darusalam: Jabat Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunai Darussalam, Pusat Sejarah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Bahrn Noor Haira (1986), *Pengajian Tasawuf di Kalimantan Selatan*, Makalah seminar Pemantapan Pengajian Tasawuf Sunni di Kalimantan Selatan, Banjarmasin: 26-27 September, 1986 di IAIN Antasari.
- Banjari, Sheikh Muhammad Arsyad, al-(t.t), *Sabil al-Muhtadin Li al-Faquni fi al-Din, Amriddin, Muhtadin*. Kaherah: Dar Ihya al-Atbiyah.
- 
- (2002), *Kitab Sabil al-Muhtadin*, disalin (alih bahasa) oleh Asywadie Syukur. Surabaya,,: Bina Ilmu h. xiii.
- 
- (1421 H/2000 M), *Kitab Tuhfah al-Raghibin Syeikh M. Arsyad al-Banjari*, Transliterasi oleh Abu Daudi.
- Banjari, Muhammad Nafis al-, (t.t), *Al-Durr al-Nafis*, cet. al-Haramayn, Jeddah-Singapura.
- Burhan Puri, al-, *Tuhfah al-Mursalaha Illa al-Ruhi al-Nabi Salallahu 'alaihi wassalam*. B. Naskah (Manuskrip) koleksi pribadi Drs Nurdin A.R M.Hum, Peuniti Banda Aceh Sumatera.
- Djanawi KH, (1986), 'Beberapa Ajaran Kitab Tasawuf Wahdahal-Wujud yang tidak sejalan dengan ajaran Tasawuf Ahlu sunnah', Seminar Pemantapan Pengajian Tasawuf Sunni di Kalimantan Selatan, Banjarmasin: 26-27 September, 1986 di IAIN Antasari.
- Djohan Effendi (1990), *Ensiklopedi Nasional Indonesia*, Jld. II, cet. I. Jakarta: Cipta Adi Pustaka.
- Encyclopedie Islam di Indonesia* (1987-1988), Jakarta: Penerbit Pemerintah Indonesia, Team Departemen Agama Republik Indonesia.
- G.F. Pijper (1934), *Fragmenta Islamices*. Leiden: Studies over het Islamisme in Nederlandsh Indie, E.J. Brill.

- G. Makdisi (1979), 'Ibn 'Ata'illah', dalam *The Encyclopaedia of Islam*, Volume III, New Edition, Edited By B. Lewis, Leiden: E. J. Brill dan London: Luzac and CO.
- Ghazali, al-(1970), *al-Maqālad al-Asma' Syarh Asma' Allah al-Husni*. Mesir: al-Maktabah al-Jundi.
- Hamka, (1961), *Sejarah Umat Islam*. edisi VI, c.I. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hamka, (1974), 'Mazhab Syafi'i di Indonesia', *Antara Fakta dan Hayal Tuanku Rao*. Jakarta: Bulan bintang.
- Humaidy, (2003) "Ulama Banjar Dalam Perspektif Sejarah", dalam Majalah KANDIL mengenai *Melintas Tradisi*, Edisi Bulan Mei Tahun I. Banjarmasin: Diterbitkan oleh Sekertariat LK 3 (Lembaga Kajian Keislaman dan Kemasyarakatan).
- Isma'il bin Muhammad al-Jaluni al-Jarrahi, (1405), *Kasyfu al-Khafa'*, Juz 2, Beirut: Mu'assasah Risalah, cet. Ke 4.
- Yustan Aziddin *et.al.* (1984), *Sejarah Perlawanan Terhadap Imperialisme dan Kalimantan Selatan*, Jakarta: Dep.P Dan & K.
- Karel A, Steen Brink (1984), *Beberapa Aspek Mengenai Islam di Indonesia Abad ke19*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Kattani, al- (1982), *Abd al-Hayy b. Abd al-Kabir, Fahhris wa al-Athbat wa Mu'jam al-Mu'jam wa al-Masyyakhat wa al-Musalsalat*, juz.II. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Kyai Haji Jumri bin Joys, (1975), *Sejarah Kerajaan Banjar*, Singapura: Penerbit al-Ahmadiyah Press.
- Majid Fakhry (1970), *History of Islamic Philosophy*. New York: t.t.p.
- Martin Van Bruinessen (1992), *Tarekat Naqsabandiyah di Indonesia*. Bandung: Mizan,
- Martin Van Bruinessen (1995), *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarikat*. cet.I. Bandung: Penerbit Mizan.
- Mattulada (1998), *Sejarah Masyarakat dan Kebudayaan Sulawesi Selatan*. Makassar, Sulawesi: Universiti Hasanuddin.
- M. Edwar Saleh *et.al.*(1978), *Sejarah Daerah Kalimantan Selatan*, (Proyek Penelitian dan Pencatatan Kebudayaan Daerah). Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Muhammad Nasir (1989), *Sisi Kalam Dalam Pemikiran Islam Syeikh Abdurrahman ShiddĒq al-Banjari*, Sebuah thesis Pasca Sarjana IAIN Syarif Hidayatullah.
- Muhtar Lutfi dkk. (1997), *Sejarah Riau*. Pekanbaru: UNRI (Universitas Riau).
- Ramli Nawawi, (1977), *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Penyebar Ajaran Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah pada Abad 18 di Kalimantan Selatan*, Banjarmasin: Skripsi (Karya Ilmiah sarjana S1) Fakultas Keguruan Universiti Lambung Mangkurat.
- Syafe'i Abdullah, (1982) *Riwayat Hidup dan Perjuangan Ulama Syeikh H.A Rahman Shiddik, Mufti Indragiri*, Jakarta: V.C. Serajaya



- Sri Mulyati *et.al.* (2004), *Mengenal dan Memahami Tarikat-Tarikat Muktabarah di Indonesia*. Jakarta: Fajar Interpratama offset.
- Stefan Reichmuth (1999), 'Die Welt Des Islams, Murtada Zabidi (D.1791) in Biographical and Autobiographical Account', dalam *International Journal for The Study Of Modern Islam*, Vol. 39. Leiden: Brill. Von.
- Sutrisno Kutoyo dan Sri Sutjiansih, (Ed.) (1977/ 1978), *Sejarah Daerah Kalimantan Selatan*, Jakarta: Pusat Penelitian Sejarah dan Budaya Dep. P&K.
- J.C. Noorlander (1935), *Banjarmasin en de Compagnie in de tweede Kelft der 18 de eeuw*. Leiden: tanpa penerbit.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1983), *Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari Matahari Islam*, Cet I, Kuala Mampuah, :Yayasan Pendidikan dan Dakwah Islamiyah,
- \_\_\_\_\_ (1990), *Syeikh Muh Arsyad al-Banjari, Pengarang Sabil al-Muhtadin*, cet.1. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- \_\_\_\_\_ (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara* Jilid 1 cet.I. Kuala Lumpur : Pusat Penyelidikan & Penyebaran Khazanah Islam Klasik dan Modern Dunia Melayu.
- \_\_\_\_\_ (1985) *Perkembangan Ilmu Fekah dan Tokoh-Tokoh di Asia Tenggara*, Ramadhany.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah, (2001), 'Tawhid al-Af'al According al-Durr al-Nafis of al-Banjari', dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_ (2003), *Fahaman da Hakikat al-Asma' Menurut al-Banjari*', oleh Farid Mat Zain *et.al.* (2003), *Prosiding Nadwah Ulama dan Tokoh Agama Borneo*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaya (UKM),
- Zafri zam zam (1963), *Dakwah Islamiah Syekh Arsyad al Banjari*, No. 29 th ke II. Banjarmasin: Usaha Dan Karyanya Gema Islam.
- \_\_\_\_\_ (1979), *Shaikh Mih. Arsyad al-Banjari Sebagai Juru Da'wah*, Banjarmasin, Penerbit Karya.
- Zirikli Khayr al-Din (2002), *al-A'lam qamus tarajim li Asyhar al-Rijal wa Nisa' min al-'Arab wa al-Musta'ribin wa al-Mustasyriqin*. Juz. 1, c.15. Lebanon, Beirut: Dar al'Ilmi li al-Malayin.
- Al-Zyumardi Azra (1998), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII (Melacak Akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia)*. Bandung: Mizan.
- Zurkani Yahya (1993), 'Shari'ah Sufisme dan Tariqat', Makalah Seminar Mengenai Nilai Tasawuf Dalam Abad Modern, dianjurkan oleh Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Antasari, oleh Fakulti Dakwah. Bertempat di Gedung Auditorium (IAIN) Banjarmasin,

## **Sumber Temubual**

H Irsyad Zen al-Banjari pada 9 April 2005 di Martapura Kalimantan Selatan. Seorang penulis dan pengkaji pemikiran al-Banjari hingga kini. Beliau adalah keturunan al-Banjari ke 6.

Prof. Asywadi Syukur pada 27 Ogos 2004 di Banjarmasin. Seorang ulama dan ilmuwan yang mengkaji pemikiran Al-Banjari. Beliau seorang keturunan Al-Banjari yang tinggal di Banjarmasin.

Wan Muhd.Saghir Abdullah pada hb 11 Januari 2005/20 Zulqa'dah 1425 H, di Kuala Lumpur. Seorang penulis dan mengkaji teks mahupun kitab dan ulama yang berada di Dunia Asia.